

# PENYATA RASMI PARLIMEN

## PARLIAMENTARY DEBATES

### DEWAN NEGARA

*Senate*

#### PARLIMENKETUJUH

#### PENGGAL KEDUA

*Second Session*

**Jilid II Bil. 6 Hari Isnin 4hb April, 1988**

#### KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 1)**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (Ruangan 35)**



**MALAYSIA**

**DEWAN NEGARA**

**Isnin, 4hb April, 1988**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**D O A**

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**PASARAN HARTANAH**

**1. Tuan Dahlan bin Haji Embun** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah "Trend" pasaran hartanah dan mengapakah ini berlaku. Bilakah ia akan mencapai tahap stabil.

Timbalan Menteri Kewangan [**Tuan Loke Yuen Yow**]: Tuan Yang di-Pertua, pasaran harta pada tahun 1987 dan awal 1988 telah menunjukkan arah aliran yang menggalakkan dengan pertambahan di dalam permintaan efektif bagi harta-harta di dalam lingkungan harga rendah, terutama perumahan kos rendah dan kos pertengahan di dalam sektor perumahan dan juga bagi kebun-kebun kecil, khususnya getah di dalam sektor pertanian. Walaupun demikian, harta-harta berharga tinggi bagi kesemua jenis telah mencatatkan penurunan dari segi bilangan dan harga. Jumlah bilangan pindah-milik sepertimana yang ditunjukkan dengan bilangan kes-kes duti setem yang telah dirujuk ke Jabatan Penilaian telah menunjukkan pertambahan sedikit pada tahun 1987 apabila dibandingkan dengan jangka waktu yang sama bagi 1985 dan 1986.

Pasaran harta telah mengalami keadaan yang muram dan meleset, adalah disebabkan oleh gabungan beberapa faktor; keadaan kemerosotan dan kemelesetan di dalam ekonomi tempatan; suasana lebih pembinaan

di beberapa sektor dan pendedahan yang berlebihan di dalam pembangunan dan pelaburan harta dan sedikit sebanyak kejatuhan pasaran saham dan ketegangan dan ketidakpastian yang telah wujud menjelang akhir tahun 1987.

Tuan Yang di-Pertua, adalah diharapkan supaya keadaan pasaran akan mencapai sedikit sebanyak tahap kestabilan hasil daripada pemulihan di dalam ekonomi negara dengan kenaikan harga-harga komoditi, langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi mengurangkan kadar faedah dan penubuhan Perbadanan Cagaran Malaysia Berhad yang mana sudah tentunya dapat melepaskan lebih banyak modal ke dalam pasaran gadaian. Beberapa Kerajaan Negeri juga sedang menggalakkan pelaburan dan pembangunan harta dengan mengurangkan bayaran premium tanah, bayaran tukar syarat, cukai tanah dan menawarkan insentif-insentif lain khususnya bagi tanah perindustrian dan tanah untuk perumahan kos rendah. Usaha-usaha ini Tuan Yang di-Pertua, telah menghasilkan banyak pertanyaan bagi tanah-tanah perindustrian di Pulau Pinang, di Selangor dan di Johor.

Laporan Pasaran Harta 1987 Kementerian Kewangan yang akan diumumkan tidak lama lagi akan mengandungi maklumat terperinci mengenai arah aliran di dalam beberapa sektor pasaran harta. Saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat bersabar. Terima kasih.

**Tuan Dahlan bin Haji Embun** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bersabit dengan 'trend' ini telahpun berlaku jumlah pinjaman di indstitusi Kewangan melebihi cagaran, Apakah rancangan Kerajaan untuk mengatasi masalah ini.

**Tuan Loke Yuen Yow:** Tuan-Yang di-Pertua, sila ulangi soalan.

Tuan Yang di-Pertua: Minta ulang lagi!

**Tuan Dahlan bin Haji Embung:** Bersabit dengan 'trend' ini

telahpun berlaku bagi jumlah pinjaman dengan institusi kewangan melebihi cagaran. Jadi, apakah rancangan Kerajaan untuk mengatasi masalah ini.

**Tuan Loke Yueu Yow:** Saya tidak dapat memberikan keterangan bagi pihak Kementerian mengenai soalan ini, tetapi di sini saya ingin menyakinkan Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini Kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang efektif untuk mengatasi masalah ini.

#### LEMBAGA LETRIK NEGARA - PENSWASTAAN

**2. Tuan Hassan bin Nam** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan adakah benar ura-ura pihak Kerajaan akan menswastakan urusan Perkhidmatan Pentadbiran Lembaga Letrik Negara (LLN) jika benar, nyatakan bila akan diswastakan.

5.4.88

**54. Tuan Ng Peng Hay** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) adakah dijangka LLN boleh diswastakan; jika ya, bilakah akan dilaksanakan; dan
- (b) apakah rancangan LLN untuk meningkatkan prestasi perkhidmatan dan adakah LLN bercadang untuk mengurangkan kos pembekalan elektrik terutamanya di kilang-kilang.

6.4.88

**Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) apakah sudah dibuat kajian setelah Jabatan Telekom diswastakan, kalau sudah apakah hasilnya kajian tersebut; dan
- (b) benarkan Lembaga Letrik Negara (LLN) akan diswastakan, kalau benar bila.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Ong Tin Kim): Tuan**

Yang Di-Pertua, saya ingin mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalam bahagian (a) yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Ng Peng Hay pada 5hb April, 1988 dan juga soalan bahagian (b) yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdul Majid bin Abdullah yang dijadualkan pada 6hb April 1988

Tuan Yang di-Pertua, kajian sama ada Lembaga Letrik Negara (LLN) patut diswastakan atau sebaliknya memang telah dijalankan. Pada masa ini Kerajaan masih meneliti laporan kajian mengenai perkara ini. Jadi, saya tidak dapat memberitahu Dewan yang mulia ini sama ada Lembaga Letrik Negara Negara akan diswastakan atau tidak.

### **PASARAN MINYAK SAWIT**

**3. Tuan Tan Chai Hom** minta Menteri Perusahaan Utama mennyatakan:

- (a) nisbah pasaran (market share) minyak sawit berbanding dengan minyak kacang dalam pasarn minyak masak dunia;
- (b) nisbah pasaran minyak sawit keluaran Malaysia dlam pasaran minyak sawit sedunia;
- (c) strategi-strategi Kerajaan untuk membendung kempen memburukkan kualiti kayu-kayan keluaran kita oleh setengah-setengah negara Eropah.

**Timbalan Menteri Kementerian Perusahaan Utama (Dato' Alias bin Md. Ali) Tuan**

Yang di-Pertua, pada umumnya nisbah pasaran seduani minyak sawit dari segi eksport berbanding dengan minyak kacang menunjukkan arah aliran yang meningkat sejak tahun 1986. Kedudukan ini meletakkan minyak sawit di tempat teratas berbanding dengan minyak-minyak lain.

Untuk menjawab (b), Malaysia masih lagi mengekalkan kedudukannya sebagai pembekal utama minyak sawit di dunia. Nisbah pasaran purata minyak sawit Malaysia bagi tempoh 1980, 1986 ialah 67%. Kedudukan Malaysia sebagai pembekal utama minyak sawit dunia dijangka akan berterusan.

Untuk soalan (c), pada masa ini tiada laporan diterima tentang adanya kempen memburukkan kualiti kayu-kayan keluaran Malaysia oleh mana-mana negara di Eropah.

**Puan Law Jack Yoon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu adakah nisbah pasaran minyak sawit Malaysia berkurangan akibat lobi yang telah dijalankan oleh Persatuan Kacang Soya Amerika untuk memburukkan nama minyak sawit di Malaysia?

**Dato' Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, nisbah pasaran minyak sawit di Amerika Syarikat telah menunjukkan aliran yang menurun sejak beberapa tahun kebelakangan ini, tetapi adalah sukar untuk mengaitkan nisbah yang menurun ini dengan adanya kempen oleh pengeluar minyak kacang soya Amerika atau ASA. Oleh kerana pada rundingan pihak Kementerian berbagai faktor boleh memberi sumbangan kepada nisbah jualan minyak yang menurun di Amerika Syarikat ini iaitu seperti harga yang terlampau tinggi pada akhir tahun yang lalu berbanding dengan harga minyak kacang soya. Bagaimanapun, nisbah penurunan ini tidak terdapat di dalam eksport minyak sawit ke negara-negara lain di dunia selain daripada Amerika Syarikat. Saya ingin memberi jaminan bahawa penurunan penjualan minyak sawit di Amerika Syarikat tidak perlu membimbangkan kita oleh kerana eksport minyak sawit kita ke Amerika Syarikat adalah kecil jumlahnya berbanding dengan jumlah eksport kita ke negara-negara lain.

**LAWATAN GALAKAN PELABURAN KE LUAR NEGERI**

**4. Tuan Chan Choong Tak** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan hasil-hasil berbagai lawatan luar negeri yang dijalankan oleh beliau baru-baru ini atas perdagangan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian [**Tuan M.G. Pandhitan**]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat lawatan rombongan galakaan perdagangan dan pelaburan ke Jepun pada 21hb hingga 26hb Januari, 1988 telah dapat menghasilkan tempahan eksport bernilai \$4.25 juta dan jualan dalam rundingan sejumlah \$18.3 juta . Keluaran-keluaran yang mendapat tempahan termasuk keluaran tekstil iaitu baju dan seluar "jeans", makanan laut yang dikilang dan keluaran berasaskan getah. Sementara itu rombongan galakan perdagangan dan pelaburan ke negara-negara Belanda, Itali dan Perancis pada 5hb hingga 21hb Mac, 1988 telah menghasilkan tempahan eksport bernilai lebih kurang \$5 juta untuk keluaran makanan. Kontrak yang masih dalam rundingan adalah berjumlah lebih kurang \$20 juta. Keluaran-keluaran yang terlibat ialah kasut, keluaran kayu, permaidani, makanan laut, perabut kayu dan sarung tangan getah.

Adalah perlu diingatkan di sini bahawa hasil-hasil lawatan tidak semestinya dilihat dari jumlah penjualan dan diperolehi bagi barang-barang eksport Malaysia. Lawatan-lawatan seumpama ini amatlah berfaedah bagi para pengeluar dan pengeksport kita untuk meninjau dengan sendirinya kehendak-kehendak pasaran luar negeri.



Kehadiran mereka di pasaran-pasaran tertentu semasa mengikuti rombongan-rombongan berkenaan akan mendedahkan mereka kepada faktor-faktor seperti citarasa pengguna tempatan, rekabentuk, paten serta teknologi yang terbaru dan juga persaingan yang ada. Maklumat yang diperolehi amatlah berguna untuk meningkatkan lagi prestasi eksport negara dan dalam hitungan panjang perkara inilah hasil yang sebenarnya yang diperolehi. Ini adalah kerana ianya akan membolehkan para pengekspor kita memasarkan barangan yang dikehendaki oleh para pembeli di luar negeri.

**Puan Ainon binti Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat tahu daripada pihak Kementerian berkenaan, bagaimanakah kuota atau had yang diberikan kepada syarikat-syarikat atau kepada pengusaha-pengusaha yang mendapat kelulusan untuk mengeksport terutamanya mengenai tekstil, kerana terdapat rungutan mereka mendapat pasaran tetapi telah dihadkan pula kuota-kuota pengimportan tekstil dan juga bahan-bahan yang disebutkan tadi?

Saya ulangi - saya ingin tahu cara mana pemberian dibuat dan Had kuota yang ditentukan untuk seseorang atau sesuatu company atau syarikat yang berjaya mendapatkan tempahan untuk mengeksport bahan-bahan yang disebutkan tadi?

**Tuan M.G. Pandithan:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kuota ini dibuat atas permintaan dari negara-negara berkenaan, Kerajaan kita tidak menghadkan kuota tetapi negara yang mengimport kuotanya terhad.

**MASYARAKAT MALAYSIA - PERUBAHAN STRUKTUR**

**5. Dr. Nordin Selat** minta Perdana Menteri memberitahu sejauh manakah masyarakat Malaysia telah dapat diubah strukturnya. Apakah rupa bentuk struktur ini sekarang,

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman**]: Tuan Yang di-Pertua, masyarakat Malaysia telah mengalami beberapa perubahan struktur yang menggalakkan hasil dari pelaksanaan berbagai dasar, khasnya Dasar Ekonomi Baru. Sebelum Dasar Ekonomi Baru diperkenalkan, penglibatan ekonomi kaum bumiputera misalnya lebih tertumpu kepada kegiatan pertanian tradisional luar bandar dan tidak memberi potensi pulangan yang tinggi. Selepas pelaksanaan DEB sehingga kini, kaum bumiputera dapat menceburi bidang-bidang ekonomi moden yang lebih produktif dan dapat menghasilkan pendapatan yang tinggi. Kaum-kaum lain juga jelas menikmati faedah dari pelaksanaan DEB.

Di peringkat ini, setelah 17 tahun melaksanakan DEB, lebih ramai bumiputera telah berjaya menyertai bidang-bidang pekerjaan profesional dan pengurusan serta dapat meningkatkan penglibatan dalam sektor koperat. Sementara itu, kaum bukan bumiputera pula berjaya menambah hakmilik mereka dalam sektor perniagaan dan perdagangan. Sesungguhnya, hasil dari pelaksanaan DEB, masyarakat Malaysia telah mengalami banyak perubahan dan struktur ketidakseimbangan yang wujud pada tahun 1970 telah dapat dikikis secara perlahan tetapi bersungguh-sungguh. Bagaimanapun, kesemua perubahan ini masih belum cukup meluas dan perlu dipergiatkan lagi di tahun-tahun akan datang.

Kerajaan berharap masyarakat Malaysia akan sanggup bekerja lebih gigih ke arah corak perubahan struktur yang sebanding dengan gagasan untuk menjadikan negara ini sebagai sebuah negara perindustrian baru.

**Puan Law Jack Toon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu dalam menukar rupa bentuk struktur di Malaysia, bagaimanakah kejayaan Kerajaan dalam mengurangkan kemiskinan di negara kita?

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya katakan tadi bahawa hasil daripada pengenalan Dasar Ekonomi Baru itu telah berjaya mengubah rupa bentuk struktur masyarakat di mana ketidakseimbangan yang pernah berlaku ketika dahulu sebelum Dasar Ekonomi Baru itu diperkenalkan telah dapat dilakukan dengan begitu gigih sehingga membolehkan kaum-kaum yang tidak bernasib baik untuk melibatkan diri di dalam peluang-peluang pekerjaan yang lebih mirip tertumpu kepada selain daripada bidang tradisional dan pertanian. Oleh itu, usaha-usaha Kerajaan di dalam setiap peringkat dan bidang telah cuba menggalakkan dengan berbagai program yang diprogramkan.

**Tuan C. Krishnan:** Tuan Yang di-Pertua, bagaimanakah struktur kaum India yang sentiasa diidentifikan sebagai kaum estet? Apakah perubahan yang telah berlaku semenjak Dasar Ekonomi Baru dilaksana-

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Usaha-usaha Kerajaan sentiasa mengambil kira setiap lapisan dan golongan masyarakat termasuk kaum India yang pada satu ketika dahulu selalu dipersamakan dengan penglibatan yang kerap di dalam, bidang estet. Tetapi seperti yang telah diterangkan tadi bahawa sekarang ini semakin banyak peluang yang diberikan dengan penglibatan semua kaum masyarakat melalui Dasar Ekonomi Baru dan kita dapat melihat bahawa lebih banyak masyarakat dari golongan kaum India ini terlibat di dalam sektor-sektor selain daripada bidang estet terutamanya dalam bidang perniagaan.

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Tuan Yang di-Pertua, saya mereka puashati dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai dengan usaha-usaha Kerajaan dalam mengubah struktur masyarakat Malaysia dalam Dasar Ekonomi Baru. Namun demikian, pencapaiannya belum sampai kepada tahap yang boleh dikatakan membanggakan. Jadi, adakah Kerajaan bercadang selepas Rancangan Malaysia Kelima, Dasar Ekonomi Baru ini akan diteruskan semula sehingga mencapai kepada maksud yang memuaskan?

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, itu memanglah merupakan hasrat dan tujuan Kerajaan, selagi tidak tercapai matlamatnya, akan terus diusahakan ke arah langkah-langkah itu.

#### PELAURAN ASING

**6. Tuan Bee Yang Sek** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) jumlah pelaburan asing yang telah dilaburkan di Malaysia setakat akhir tahun 1987;
- (b) nama negara yang merupakan pelabur yang paling besar; dan
- (c) jumlah pelaburan asing di Malaysia setiap tahun bagi tahun 1980 hingga 1987.

**Tuan M.G. Panditham:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Mengikut perangkaan MIDA, jumlah ekuiti asing (tidak termasuk pinjaman) bagi syarikat-syarikat yang beroperasi setakat akhir tahun 1986 berjumlah \$4,589 juta. Angka bagi tahun 1987 masih dalam peringkat persediaan,
- (b) Negara-negara Singapura, Jepun dan United Kingdom adalah di antara negara-negara yang terbesar melabur di negara kita.

- (c) Jumlah ekuiti asing di Malaysia bagi projek-projek yang diluluskan bagi tahun 1980 hingga 1987 adalah seperti berikut:-

TAHUN	EKUITI ASIN6 (\$ juta)
1980	247.7
1981	475.9
1982	519.0
1983	296.3
1984	275.4
1985	324.8
1986	524.5
1987	750.0

Terdapat peningkatan yang besar dalam ekuiti asing semenjak tahun 1980 hingga tahun 1987,

**Tuan Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta Yang Berhormat menjelaskan apakah insentif-insentif yang telah diberi untuk menarik pelabur asing dan apakah kesannya?

**Tuan M.G. Pandithan:** Tuan Yang di-Pertua, beberapa kali di Dewan yang mulia ini pihak Kerajaan ataupun Kementerian saya telah menghuraikan bahawa Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk memperkenalkan prosedur yang baru dan juga menawarkan insentif-insentif yang istimewa supaya boleh menarik lebih pelabur asing ke negara kita.

Berdasarkan rekod Kementerian saya, Kerajaan telah mencapai matlamat untuk menarik seberapa banyak pelabur asing dan pelaburan pun telah meningkat.

**TARAF BANDARAYA/PERBANDARAN - ASAS PENGANUGERAHAN**

7. **Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah asas dan keperluan yang membolehkan balik taraf Majlis Perbandaran kepada Kota Raya dan Majlis Daerah kepada Perbandaran. Adakah Kerajaan bercadang menjadikan mana-mana satu kawasan perumahan yang lengkap kemudahan asasnya sebagai satu majlis tempatan bersendirian dan beroperasi sendiri untuk menjadikan penduduk di situ bertanggungjawab atas kebersihan dan keselamatan mereka sendiri.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [**Tuan Haji Hussein bin Ahmad**]: Tuan Yang di-Pertua, asas-asas atau ciri-ciri yang digunakan untuk penganugerahan taraf Bandaraya kepada sesuatu perbandaran adalah seperti berikut:-

Sesuatu bandar yang berkenaan mestilah yang ber-autonomi kewangan dan mempunyai kedudukan kewangan yang teguh dan kukuh. Ia hendaklah merupakan pusat aktiviti-aktiviti perdagangan dan perindustrian, bukan sahaja bagi kawasan perbandaran itu, malah juga bandar-bandar di sekelilingnya atau bandar-bandar penting yang berhampiran yang mempunyai pembangunan ekonomi yang pesat serta menjadi penggalakan pembangunan kawasan sekeliling yang terdapat bukti-bukti dengan bilangan institusi-institusi kewangan. Hasil pendapatan dan kadar peningkatan bilangan penduduk di dalam kawasan yang digezetkan serta kawasan senibina di sekeliling bandar itu. Pentadbiran bandar itu mestilah menjadi pusat pentadbiran negeri, mempunyai jentera pentadbiran yang lengkap dan menjalankan khidmat-khidmat tempatan yang luas serta terkenal dengan kecekapan perjalanan fungsifungsinya.

Bandar itu mestilah mempunyai kepentingan sejarah dan pelancongan. Menjadi pusat aktiviti-aktiviti seni budaya dan kesusasteraan, menjadi tumpuan penyertaan-penyertaan ramai dan perayaan-perayaan ramai. Aktiviti sukan dan olahraga peringkat kebangsaan dan mempunyai taman-taman yang indah serta dengan kedudukan bandar itu. Bandar itu hendaklah juga mempunyai institusi pengajian tinggi bertaraf antara-bangsa. Pusat-pusat penyelidikan yang terkenal, maktab-maktab peringkat atasan, kemudahan-kemudahan khutub-khanah yang lengkap dan teratur dan pada amnya merupakan pusat-pusat perubahan masyarakat di sekelilingnya.

Sesuatunya bandar itu juga mestilah mempunyai kawasan bandar yang cukup luas dan mempunyai bilangan penduduk yang besar, berbanding dengan bilangan penduduk di seluruh negara ini. Jumlah kutipan hasil perbandaran itu hendaklah besar bukan sahaja untuk memadai baginya malah juga memadai untuk menjalankan aktiviti-aktiviti pembangunan di dalam kawasan itu.

Pada dasarnya Kerajaan telah bersetuju bahawa manamana bandar yang mempunyai taraf Bandaraya mestilah bilangan penduduk-penduduknya tidak kurang daripada 100,000 orang dan kutipan hasilnya tidak kurang daripada \$5 juta. Walau bagaimanapun, Kerajaan lebih berminat agar kutipan hasilnya tidak kurang daripada \$20 juta.

Tuan Yang di-Pertua, asas-asas yang digunakan untuk menganugerahkan Majlis Daerah kepada Majlis Perbandaran:

Majlis Daerah mestilah mempunyai pusat bandar yang pada kebiasaannya ialah ibu negeri walaupun ini tidak dimestikan. Penduduk juga hendaklah melebihi 100,000 orang, hasil pendapatan tahunan mestilah tidak kurang daripada \$5 juta. Majlis Daerah ini mestilah mempunyai pusat pentadbiran yang telah sedia ada.



Kehendak penduduk Majlis Daerah mestilah lebih tertumpu kepada perkhidmatan Bandaran berbanding dengan projek-projek pembangunan prasarana.

Perkara yang ketiga, Kerajaan pada masa ini tidaklah bercadang untuk menjadikan mana-mana satu kawasan perumahan yang lengkap dengan kemudahan-kemudahan asas sebagai Penguasa-penguasa Tempatan, Walau bagaimanapun Kerajaan menggalakkan masyarakat di mana-mana kawasan perumahan itu bertanggungjawab bagi memastikan kebersihan di kawasan mereka sendiri.

**Tuan Hassan bin Harun:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah berapa peratuskah daripada Majlis-majlis Daerah, Majlis-majlis Perbandaran dan Kerajaan Tempatan lain yang berjaya berdikari setakat ini?

**Tuan Haji Hussein bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dimatlamatkan supaya Penguasa-penguasa Tempatan ini mampu berdikari dari segi ekonomi kewangannya pada tahun 1990. Walau bagaimanapun pada setakat ini kita berpuas hati dengan perjalanan Penguasa-penguasa Tempatan, walaupun masih terdapat beberapa Penguasa-penguasa Tempatan yang agaknya kurang mampu bagi mencapai matlamat yang dikehendaki. Namun demikian bagi pihak Kementerian dan Kerajaan-kerajaan Negeri sedang berusaha untuk menghalau ke matlamat yang dikehendaki.

**BEKALAN AIR/ELEKTRIK KE LADANG-LADANG**

**8. Tuan C. Krishnan** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan merancang satu "Master Plan" supaya pembekalan air ke ladang-ladang di seluruh negara boleh diswastakan dengan adanya bantuan dari Kementerian Kerjaraya; dan
- (b) adakah perobekalan elektrik ke ladang-ladang juga boleh diswastakan secara menyeluruh dengan adaaya bantuan dari Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

**Dato Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) pada masa ini, Kerajaan tiada mempunyai rancangan untuk menyediakan Pelan Induk bagi menswastakan bekalan air ke ladang-ladang di seluruh negara. Namun demikian, satu kajian mengenai bekalan air ke ladang-ladang telah disiapkan untuk pertimbangan Kerajaan. Di mana yang boleh dan terutama sekali untuk ladang-ladang yang menghadapi masalah sumber bekalan air, usaha-usaha telah dan sedang diambil bagi memenuhi keperluan tersebut menerusi program-program yang sedia ada. Di samping itu, usaha-usaha akan diambil untuk menyelaraskan keperluan bekalan air di ladang-ladang dengan rancangan pembangunan sumber-sumber air pada masa hadapan.
- (b) bagi ladang-ladang di mana sistem bekalan boleh disambungkan, pihak berkuasa bekalan sentiasa bersedia untuk memberi bekalan

elektrik. Biasanya tenaga elektrik dijual secara pukal kepada tuan punya estet untuk membahagikan bekalan kepada pengguna di estet itu. Jika pihak berkuasa bekalan elektrik tidak dapat memberi bekalan, pihak swasta dibenarkan menjana dan memberi bekalan elektrik tetapi lesen perlu diperolehi daripada Jabatan Jemaah Pemeriksa Elektrik. Sememangnya bekalan elektrik ke ladang-ladang tertentu telahpun dikendalikan oleh pengusaha-pengusaha swasta di kawasan-kawasan yang tidak dapat dibekalkan oleh pihak-pihak berkuasa bekalan. Kerajaan sentiasa bersedia memberi pertimbangan kepada sebarang permohonan kepada pihak swasta yang berminat untuk membekalkan elektrik ke ladang-ladang.

Penswastaan perusahaan bekalan elektrik pada keseluruhannya iaitu termasuk bekalan elektrik ke ladang-ladang telahpun dikaji. Kerajaan sedang mempertimbangkan perakuan-perakuan yang terdapat di dalam kajian tersebut dan akan membuat keputusan mengenainya tidak lama lagi.

**Tuan C. Krishnan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri sedarkah bahawa beberapa majikan enggan memberikan perkhidmatan electricity ke estet-estet?

Apakah Yang Berhormat bercadang untuk mengambil tindakan ke atas majikan-majikan yang enggan membekalkan elektrik di estet-estet?

Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar, kebanyakan estet itu masih lagi tidak ada electricity, atau dari pukul 6.00 petang hingga 10.00 malam sahaja electricity dibagikan. Apakah Yang Berhormat bercadang untuk mengambil tindakan ke atas pihak majikan?

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Seperti yang telah dikatakan tadi pihak berkuasa bekalan sentiasa bersedia untuk memberi bekalan elektrik dan biasanya tenaga elektrik dijual secara pukal. Walau bagaimanapun jika berlaku keadaan di mana majikan enggan memberikan khidmat bekalan elektrik itu boleh disampaikan kepada pihak berkuasa, tetapi kita juga maklum bahawa pihak swasta dibenar dan digalakkan menjana dan memberi bekalan elektrik dengan syarat lesen perlu diperolehi daripada Jabatan Jemaah Pemeriksa Elektrik seperti berikut; terutamanya dalam kes ladang-ladang menjana elektrik sendiri terhad untuk aktiviti ladang dan rumah pekerjanya. Jadi tenaga elektrik dibekalkan secara percuma dan Jabatan Jemaah Pemeriksa Elektrik mengeluarkan Perakuan Pendaftaran Pepasangan di bawah Seksyen 19, Akta Jabatan Jemaah Pemeriksa Elektrik 1983 dan Peraturan 4. Kalaulah tidak diikuti bolehlah disalurkan makluman ini kepada pihak-pihak yang berkuasa untuk diberi peringatan kepada pihak majikan yang tidak menyampaikan dan menyempurnakan perkhidmatan yang perlu sebagai perkhidmatan asas.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat **Tuan Paramjit Singh.**

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan ke 9.

**TAHANAN ISA**

**9. Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasow [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (1) adakah Kerajaan akan menimbang untuk melepaskan tahanan-tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) memandangkan bahawa keadaan Kerajaan telah menjadi normal; dan
- (b) apakah keselamatan yang terdapat di bawah undang-undang sekarang terhadap orang-orang tidak bersalah yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri ;
- (c) kenapakah tahanan-tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri tidak ditahan beberapa tahun lalu apabila mereka didakwa menyebutkan kata-kata hasutan dan berbau perkauman.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob**]: Tuan Yang di-Pertua, orang-orang yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri adalah atas tujuan untuk mencegah mereka daripada menjalankan kegiatan yang memudaratkan keselamatan negara dan mereka akan dibebaskan apabila mereka didapati tidak lagi memudaratkan keselamatan negara.

Keadaan sekarang adalah dianggap normal kerana pihak-pihak yang dianggap memudaratkan keselamatan negara sedang berehat di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Tiap orang yang dikenakan Perintah Tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 adalah berhak untuk membuat representasi terhadap Perintah Tahanan itu dan representasinya didengar oleh Lembaga Penasihat dalam tempoh tidak lewat dari 3 bulan dari tarikh beliau ditahan. Lembaga Penasihat selanjutnya akan mempersembahkan laporan dan syornya kepada Yang di-Pertuan Agong yang akan menimbang syor tersebut dan mengeluarkan apa-apa arahan yang difikirkan perlu kepada Menteri. Keputusan Yang di-Pertuan Agong mengenai perkara ini adalah muktamad. Di samping itu Lembaga Penasihat juga diwajibkan mengkaji semula (review), dengan izin, tiap-tiap Perintah Tahanan tidak kurang dari sekali dalam setiap 6 bulan, dan mengemukakan laporan bertulis dan apa-apa syor yang difikirkan wajar mengenai tiap kajian semula itu kepada Menteri.

Kerajaan tidak mengambil tindakan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 beberapa tahun yang lepas kerana keadaan keselamatan negara pada waktu itu berada dalam keadaan aman. Akan tetapi, lama kelamaan ucapan-ucapan dan kegiatan golongan tertentu telah melampaui batasan.

Ucapan-ucapan dan kegiatan yang berunsur perkauman telah menimbulkan perasaan benci membenci di antara kaum dan seterusnya menimbulkan suasana cemas di kalangan rakyat sehingga boleh mencetuskan kekacauan. Kerajaan terpaksa mengambil tindakan segera dan tegas dalam bulan Oktober, 1987 apabila keadaan telah memuncak ke tahap yang sangat membimbangkan yang jika dibiarkan berkemungkinan akan mencetuskan rusuhan secara besar-besaran. Tindakan Kerajaan itu adalah semata-mata demi kestabilan negara dan kesejahteraan rakyat.

**Datuk Haji Nasir bin Haji Manap:** Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, kita memang difahamkan tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) adalah untuk keselamatan negara.

Pertanyaan saya berapa ramaikah tahanan yang telah dibuat dan berapa jumlah yang masih ditahan sehingga sekarang ini?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon supaya soalan ini dihantar kepada saya secara bertulis supaya saya boleh menjawab dengan secara bertulis, kerana Yang Berhormat Datuk Haji Nasir bin Haji Manap tidak memberikan saya jangka masa. Kalau dahulu mula Akta ini digunakan oleh Kerajaan sejak tahun 1960, mungkin sudah beribu, tetapi setakat hari ini yang ada di Kamunting ialah 119 orang.

**Tuan Chan Chai Ho:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan apakah keputusan telah dibuat selepas mengkaji semula kes-kes tahanan ISA dalam tempoh 3 bulan pertama kerana kalau tidak salah saya Ketua Polis Negara pernah mengumumkan bahawa kes-kes tahanan ISA akan dikaji semula setiap 3 bulan.

Soalan tambahan kedua, bilakah Kerajaan bercadang untuk memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri kerana kebanyakan negara yang lain tidak ada mempunyai Akta ini?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, masalah kajian yang tiga bulan itu sedang dijalankan dan keputusan sahaja sedang kita tunggu.

Mengenai soalan yang kedua, selagi rakyat dan Parlimen merasakan bahawa Akta ini penting untuk kepentingan keamanan negara kita, maka selagi itulah Akta ini akan diteruskan.

**Tuan Mustafa bin Awang:** Tuan Yang di-Pertua, orang-orang tahanan di dalam penjara itu untuk dikaji dan dilepaskan. Adakah pihak Kerajaan sedang mengkaji juga orang yang dilepas, kemungkinan masuk ke dalam? [Ketawa]

**Dato' Hegat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap rakyat kita yang kita anggap akan memudaratkan keselamatan negara, bukan sahaja yaag dalam dan yang di luar, walhal yang luar negeri juga jika sekiranya kita fikir ia boleh memudarat keselamatan negara, akan dikaji setiap masa.

**Tuan Azman Atar bin Othman:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya juga hendak menyoal sama soalan Yang Berhormat Tuan Mustafa, tatapi dia dahulu. Saya ingin tahu apakah kesannya setelah negara kita mempunyai ISA ini terhadap keamanan dan keselamatan. Adakah lebih baik ataupun tidak mempunyai satu kesan perubahan. Dan yang kedua, saya ingin tahu, selama ini tahanan ISA yang dilakukan oleh pihak Kerajaan, bukanlah dianggap sebagai tindakan balas dendam dan sebagainya. Ini adalah merupakan satu tindakan benar-benar yang dilapor oleh pihak keselamatan terhadap ancaman negara. Adakah ini benar, ataupun Yang Berhormat betsetuju pendapat saya?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, soalan pertama. Kesan yang paling nyata yang dapat kita lihat pada hari ini di atas adanya Akta Keselamatan Dalam Negeri yang telah dilaksanakan pada 27hb Oktober, 1987 ialah wujudnya Parlimen Penggal ini. Jika sekiranya tidak ada Akta ini, kemungkinan tumpahan darah akan berlaku dan kemungkinan besar Parlimen tidak dapat bersidang sepertimana yang kita hadapi hari ini. Tentang yang kedua, saya bersetuju.



**Dr . Nordin Selat:** Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan orang yang ditahan itu pergi berehat . Kalau ini betul , ini satu gambaran yang baru yang tidak diketahui oleh rakyat ramai. Kenapakah Timbalan Menteri menyatkan mereka pergi berehat , apa sebab-sebabnya?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, saya menggunakan perkataan berehat secara inverted commas, dengan izin, kerana orang-orang tahanan ISA ini tidak disuruh untuk menjalankan satu-satu kerja dalam tahanan. Mereka hanya rehat , lepas itu bersembang, bercakap setiap hari , [Ketawa] itu sahaja. Tidak ada lagi berbuat: lain , sebab itu saya kata berehat .

**Tuan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim:** Sehingga kini berapa banyakkah wanita yang telah ditahan di bawah ISA?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat menjelaskan bilangannya , tetapi wanita ada ditahan. Di bawah tindakan yang telah dilakukan baru-baru ini juga ahli-ahli PKM yang telah menyerah diri yang masih lagi berada di Kem Tahanan .

#### HUBUNGAN DENGAN NEGARA-NEGARA SELATAN

**10. Tuan Haji Hamid Araby bin Haji Mohd. Salleh** minta Menteri Luar Negeri menerangkan apakah hasil pulangan yang baik yang boleh Malaysia memperolehi dengan mengadakan hubungan baik dengan negara-negara Selatan , yang sedang membangun selepas Kerajaan sedar bahawa perhubungannya dengan negara-negara maju tidak memberi faedah yang diharap-harapkan.

Timbalan Menteri Luar Negeri [**Toh Muda Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan**): Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, bagi menjamin negara ini akan terus maju dari segi pembangunan dan perdagangan, Malaysia harus memupuk hubungan luar negeri dan kerjasama antarabangsa yang baik.

Untuk menjamin kestabilan dan kemajuan yang berterusan, Malaysia sedar bahawa ia tidak boleh terlalu bergantung kepada negara-negara maju sahaja. Keadaan ekonomi dunia kini memaparkan satu keadaan yang tidak seimbang di mana Negara-negara Selatan terlalu bergantung kepada Negara-negara maju. Dengan demikian, nasib Negara-negara Selatan sentiasa dapat dicorakkan oleh negara-negara maju mengikut kepentingan mereka.

Malaysia percaya bahawa Negara-negara Selatan dapat merobah struktur ekonomi dunia yang tidak seimbang ini kepada satu struktur yang lebih saksama sekiranya kerjasama antara Negara-negara Selatan dimantapkan. Umpamanya, kerjasama dalam bidang perdagangan bukan sahaja akan memberi peluang Negara-negara Selatan merancang pengeluaran, bahkan ianya akan dapat mempelopori dan memperluaskan pasaran dagangan di antara Negara-negara Selatan di samping mengawal harga pasaran.

Dalam bidang sains dan teknologi juga Negara-negara Selatan termasuk Malaysia akan dapat mengecap manfaat melalui pertukaran pengetahuan dan teknologi yang sesuai dengan kepentingan pembangunan Negara-negara Selatan. Selain dari itu, kerjasama dalam bidang-bidang yang lain seperti pertanian, perhubungan tenaga, kewangan dan lain-lain lagi akan dapat memberi manfaat kepada Negara-negara Selatan, di samping manfaat yang diperolehi dari hubungan dengan negara-negara maju.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat **Tuan Abdul Majid bin Abdullah.**

**Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan No.11, sebelum dijawab, saya ingin buat sedikit pembetulan bahagian (a) selama 30 tahun itu ialah 20 tahun.

JALAN FELDA PASIR RAJA

**11. Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah** minta Menteri Kerjaraya menyatakan:

- (a) bilakah jalan-jalan di kawasan FELDA Pasir Raja Kota Tinggi hendak diturap dengan tar kerana peneroka berkenaan telah menunggu selama 20 tahun; dan
- (b) oleh kerana jalan raya dari Simpang Gugusan Taib Andak ke FELDA Sungai Sayong serapit, bolehkah dilebarkan kerana kemalangan kerap berlaku.

Menteri Kerjaraya **[Dato' S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jalan FELDA Pasir Raja yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu panjangnya 6.8 km. Pada tahun 1980, sepanjang 2.3 km. jalan tersebut telahpun ditar, manakala bakinya sepanjang 4.5 km. masih lagi belum ditar. Sukalah saya menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa terdapat banyak jalan-jalan FELDA di seluruh negara yang mana Kerajaan tidak dapat menyediakan peruntukan secukupnya untuk mengetarkan semua jalan-jalan itu secara sekaligus, tetapi sebaliknya akan dapat dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mengikut kemampuan Kerajaan dan keutamaan bagi satu-satu kawasan.

Mengenai kerja-kerja menaikkan taraf jalan di FELDA Pasir Raja, Kota Tinggi tersebut, peruntukannya belum lagi diperolehi. Walau bagaimanapun, Kementerian saya akan berusaha untuk mendapatkan peruntukan bagi mengetarkan jalan itu dan juga jalan-jalan FELDA yang lain yang perlu ditarkan.

- (b) Jabatan Kerjaraya akan menyiasat keadaan jalan dari Simpang Gugusan Taib Andak di FELDA sungai Sayong dan sekiranya perlu kerja-kerja melebarkan jalan-jalan itu, maka Kementerian akan memohon peruntukan yang secukupnya bagi maksud itu.

**Tuan Hassan bin Harun:** Dengan izin Menteri yang berkenaan, saya ingin bertanya jalan di antara Kuala Lipis ke Gua Musang yang didapati sekarang rosak sudah lebih kurang 6 bulan, sejak bulan November, belum lagi dibaiki. Jadi, keadaan itu sekarang ini lebih teruk akhir-akhir ini. Jadi, bilakah agaknya jalan ini akan dibaiki?

**Dato' S. Samy Vellu:**Tuan Yang di-Pertua, jalan itu masih ada dalam jagaan Kerajaan Negeri dan apabila saya mendapat laporan daripada Jabatan Kerjaraya dari Negeri itu, barulah kita ambil tindakan.

#### **PELAH INDUK PELANCONGAN NEGARA**

**12. Dato Haji Zakaria bin Haji Yahaya** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan sudahkah Kementerian berkenaan menyediakan satu Pelan Induk Pelancongan Negara bagi mempertingkatkan aktiviti-aktiviti pelancongan yang akhirnya merupakan sebagai salah satu Industri utama dalam negara untuk mendapatkan pertukaran wang asing. Jika belum, bilakah Pelan Induk itu akan diadakan dan jika sudah dibentuk sejauh mana ianya telah berjalan dan kemajuan yang telah dicapai.

Menteri Kebudayaan dan Pelancongan [**Dato' Haji Sabbaruddin Chik**]: Tuan Yang di-Pertua, Pelan Induk Pelancongan Negara yang dimaksudkan di sini ialah pelan pembangunan pelancongan yang dibuat oleh Kementerian dengan kerjasama Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun (JICA). Tujuan kajian ini ialah bagi mengumpulkan segala sumber dan tarikan pelancongan yang terdapat di negara kita. Kajian yang dibiayai oleh Kerajaan Jepun ini akan dijadikan sebagai asas dan panduan untuk Pelan Induk Pelancongan Negara. Fasa satu kajian ini telahpun disiapkan pada bulan Disember 1987. Fasa dua kajian telah bermula pada pertengahan bulan Mac tahun ini dan dijangka siap pada bulan Disember 1988.

Tuan Yang di-Pertua, Pelan Induk Pelancongan Negara ini dapat membantu pembangunan sektor pelancongan dengan menentukan kawasan-kawasan dan tarikan yang harus diberi perhatian untuk dipertingkatkan atau dimajukan lagi. Pelan tersebut akan dapat membantu di dalam pembangunan produk-produk pelancongan kita. Ini dapat dilaksanakan dengan memperbaiki dan memberbagaikan tarikan-tarikan di negara ini dan dengan mengadakan garis panduan supaya Kerajaan Pusat dan juga Kerajaan Negeri boleh bergiat dengan cara sistematik tanpa sebarang pertindihan di antara usaha yang dijalankan oleh Kerajaan Pusat, usaha yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri ataupun usaha yang dijalankan oleh pihak swasta.

## PENCEMARAN UDARA

**13. Dato' Dr. K. S. Hijbar** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada langkah-langkah yang sedang diambil untuk mencegah pencemaran udara dengan asap kotor dari teksi-teksi, bas-bas dan lori-lori di bandar-bandar negara kita.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (**Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze**): Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Alam Sekitar dengan kerjasama pihak Polis telah menjalankan kerja penguatkuasaan di tepi jalan untuk menentukan kenderaan berinjin diesel sentiasa mematuhi standard pelepasan yang ditetapkan di bawah Kaedah-Kaedah Kereta Bermotor (kawalan pelepasan asap dan gas) 1977. Sejak tahun 1979 hingga akhir bulan Februari tahun ini, Jabatan Alam Sekitar telah menjalankan 1,389 operasi penguatkuasaan dan menjalankan ujian ke atas 127,985 kenderaan. Pada setakat ini, kenderaan diesel yang dapat mematuhi had pelepasan asap telah bertambah, iaitu 85% berbanding dengan 35% pada tahun 1977.

Langkah-langkah yang perlu bagi mengatasi keadaan yang telah berlarutan ialah:-

- (i) Pejabat-pejabat Wilayah Jabatan Alam Sekitar di peringkat negeri terus memberi perkhidmatan nasihat dan ujian asap percuma kepada tuan punya kenderaan;
- (ii) Satu Jawatankuasa Petugas Kebangsaan yang terdiri dari persatuan-persatuan perusahaan pengangkutan, persatuan pembuat kenderaan dan agensi penguatkuasaan terus menyelaras usaha bagi mengatasi masalah pencemaran yang berasal dari kenderaan; dan

- (iiii) Peraturan-peraturan baru untuk mengawal pencemaran kenderaan di peringkat rekaan dan pembinaan yang masih dalam peringkat penggubalan.

**Tuan Mustafa bin Awang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta Menteri yang berkenaan menjawab, tidakkah ada satu perancangan di antara Kementerian Alam Sekitar dan Pengangkutan supaya menggalakkan pengguna pengguna ataupun taukeh-taukeh lori yang menggunakan minyak diesel ini dan jentera-jentera lain menggunakan gas yang dikira lebih murah daripada harga minyak diesel.

**Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze :** Tuan Yang di-Pertua, ada.

**Puan Mazidah Haji Zakaria:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penerangan daripada Yang Berhormat Menteri mengenai pencemaran udara ini walaupun soalan ini mengenai pencemaran udara yang disebabkan oleh sistem pengangkutan. Saya ingin tahu jika dibandingkan dengan pencemaran udara yang disebabkan oleh kilang-kilang, umpamanya mana yang lebih mengancam pencemaran mengenai udara ini di antara pencemaran daripada kilang-kilang dengan sistem pengangkutan.

**Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada rekod dalam perkara ini tetapi yang dalam report yang nampaknya pencemaran dari kenderaan yang lebih daripada pencemaran kilang-kilang.

#### PERMIT PENERBITAN YANG DIKELUARKAN

**14. Puan Mazidah Haji Zakarta** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah bilangan permit penerbitan (KDN) yang telah dikeluarkan bagi tempoh antara tahun 1982 hingga 1987. Dalam tempoh yang sama juga berapakah jumlah permit penerbitan ini yang telah dibatalkan atau ditarik semula dan sebab-sebabnya, serta jenis-jenis penerbitan yang permitnya dibatalkan.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, bilangan permit penerbitan yang telah dikeluarkan bagi tempoh antara tahun 1982 hingga 1987 ialah sebanyak 663. Dalam tempoh yang sama juga sejumlah 7 permit penerbitan telah dibatalkan atau ditarik balik kerana didapati memuatkan bahan-bahan yang melanggar undang-undang yang berkuatkuasa. Penerbitan-penerbitan tersebut ialah Mingguan Bumi, Gana Mujahid, Peoples Weekly, Star, Sunday Star, Watan dan Sin Chew Jit Poh.

**Tuan Ng Peog Hay:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada suratkhobar-suratkhobar yang dibenar untuk diterbitkan semula, adakah mereka dikenakan dengan syarat-syarat baru.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada.

**Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, apakah asas-asas utama yang diutamakan oleh Kementerian bagi mengeluarkan permit (KDN) kepada syarikat-syarikat yang ingin menerbitkan apa juga penerbitan.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap syarikat atau kumpulan-kumpulan yang tertentu yang ingin memohon KDN daripada Kementerian Dalam Negeri akan ditapis oleh pegawai-pegawai daripada Kementerian Dalam Negeri sendiri, juga kita akan mendapat kajian yang dibuat oleh pihak Polis terutama dari segi Special Branch tentang latar belakang kumpulan tersebut atau syarikat tersebut dan Kementerian Dalam Negeri ingin juga melihat, dengan izin, dummy, akhbar itu sebagai satu contoh kepada pihak



Kementerian untuk menentukan bahawa tidak ada perkara-perkara yang boleh memudaratkan keadaan keselamatan negara. Begitu juga tidak akan memudaratkan dari segi sosial rakyat dan juga yang tidak ada menyinggung perasaan mana-mana penganut agama di negara ini.

**Puan Nazidah Haji Zakaria:** Tuan Yang di-Pertua boleh satu lagi soalan tambahan?

Tuan Yang di-Pertua: Tadi sudah satu.

**Puan Mazidah Haji Zakaria:** Bukan, tadi soalan asal saya.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

**Puan Mazidah Haji Zakaria:** Terima kasih, jika suatu permit penerbitan itu mahu ditarik balik oleh Kementerian, adakah pihak Kementerian terlebih dahulu memberi amaran dan menunjukkan mengapa sesuatu permit itu mahu ditarik. Jika ini ada, berapa kali amaran ini diberi sebelum permit itu dibatalkan.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, ini ter- pulang kepada suasana dan keadaan negara pada masa itu. Kalau se- kiranya dalam keadaan aman, tenteram dan ada akhbar—akhbar yang kita fikirkan boleh mewujudkan suasana yang tegang maka mula-mula kita akan dipanggil dan beri amaran secara lisan, selepas itu kita akan beri amaran secara bertulis. Kalau sekiranya amaran bertulis juga tidak diindahkan, maka tindakan yang sewajarnya akan diambil untuk membatalkan permit-permit tersebut.

**Tuan Azumu bin Tak:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Jika KDN bagi beberapa akhbar itu ditahan baru-baru ini, kenapakah editor-editornya tidak ditahan di bawah ISA [Ketawa].

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, pihak yang berkuasa telah mengkaji semua yang harus ditangkap dan yang tidak ditangkap dan kita dapati bahawa tidak cukup bukti bahawa mereka ini boleh ditarik dan disiasat dan seterusnya ditangkap. Maka dengan sebab itulah mereka ini tidak ditangkap.

#### SEKOLAH TAMIL - PERUNTUKAN BILIK DARJAH

**15. Tuan M. Sangaralingam** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah beliau bersetuju bahawa jumlah S2.4 juta yang diuntukkan bagi sekolah-sekolah Tamil daripada \$400 juta yang diuntukkan untuk membina darjah-darjah sekolah baru itu kurang daripada 1/2% dan tidak mencukupi untuk ruang bilik darjah dan kemudahan-kemudahan asas kepada sekolah-sekolah Tamil di Malaysia yang keadaan kebanyakannya begitu buruk selama ini.

Timbalan Menteri Pendidikan [**Tuan Woon See Chin**]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan untuk membina bilik-bilik darjah di seluruh negara adalah berdasarkan keperluan sekolah-sekolah berkenaan dan tidak diberikan berdasarkan kepada jenis sekolah berkenaan. Dalam keadaan peruntukan yang terhad, Kementerian ini terpaksa mengagihkan peruntukan tersebut kepada pembinaan sekolah-sekolah yang sangat mendesak dan daif keadaannya tanpa mengira jenis sekolah berkenaan.

**Dr. Lau Keng Siong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berkenaan perkara ini saya suka meminta pihak Kementerian Pendidikan menjelaskan, ada banyak sekolah-sekolah yang telah memohon kepada Kementerian Pendidikan untuk membaiki sekolah-sekolah termasuk sekolah-sekolah jenis kebangsaan, sekolah kebangsaan. Ada yang

sudah menunggu lima, enam tahun sampai hari ini belum dapat diselesaikan. Jadi, nampaknya kedudukan masa sekarang di seluruh Malaysia kita ada banyak sekolah yang buruk-buruk. Ada yang sudah hendak tumbang, tetapi sudah dijanjikan oleh pihak Kementerian Pendidikan tetapi sampai hari ini belum dapat diselesaikan.

Saya suka minta pihak Kementerian Pendidikan beri keterangan yang terang sekali apabila perkara ini boleh diselesaikan oleh sebab hari-hari murid-murid bertambah dan bilik-bilik darjah tidak cukup. Dan permintaan ini diterima dan belum dijawab.

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat tadi, saya ingin memberi sedikit penjelasan berkaitan peruntukan kewangan. Di dalam Rancangan Malaysia Kelima, Kementerian Pendidikan telah memohon sebanyak \$3,147 juta atau \$3.1 billion untuk membina 22,045 buah bilik darjah di sekolah rendah dan peruntukan yang sudah diluluskan oleh Kerajaan di dalam Rancangan Malaysia Kelima ialah sebanyak \$720 juta sahaja. Ini bererti kita hanya mendapat 25% dari permohonan yang kita minta itu. Sebab itu kita hendak menjimatkan wang dan rancangan-rancangan pembinaan Bangunan yang kita rasakan tidak sangat-sangat mustahak hendaklah ditangguhkan buat sementara sehingga kita mendapat peruntukan wang yang mencukupi. Ini adalah untuk memberi satu gambaran bahawasanya bukanlah Kerajaan atau Kementerian Pendidikan tidak mahu mempercepat pembinaan sekolah-sekolah atau bilik-bilik darjah tetapi ini adalah akibat dari kekurangan peruntukan yang diberikan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa bagi pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudah cukup.

**[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No 16 hingga 67 adalah**

## RANG UNDANG-UNDANG

## RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN)

## Bacaan Kali Yang Kedua

3.33 ptg.

Timbalan Perdana Menteri [**Tuan Abdul Ghafar bin Baba**]: Tuan Yang di-Pertua, negara kita Malaysia walaupun sebuah negara kecil belum lagi menjadi sebuah negara yang maju dalam bidang ekonomi, tetapi kita boleh mendakwa bahawa kita telah mencapai satu kemajuan yang pesat dalam bidang politik dan pentadbiran.

Dari hari kita mencapai kemerdekaan sehingga pada hari ini negara kita berjalan dengan mengamalkan hukum demokrasi berpandukan kepada sebuah Perlembagaan yang direstui oleh rakyat negara ini. Negara ini dipunyai oleh seramai 16 juta orang rakyatnya. Merekalah kuasa yang tertinggi sekali bagi menentukan sesuatu. Rakyat telah bersetuju mengadakan suatu pemerintahan Parlimen yang bercorak demokrasi, Raja berperlembagaau dan dengan adanya Perlembagaan itu juga telah mewujudkan satu sistem kehakiman yang kita boleh banggakan kerana hanya sebilangan kecil di antara beberapa negara dalam dunia yang mengamalkan sistem seperti ini. Walau bagaimanapun, Perlembagaan yang telah kita wujudkan lebih kurang 30 tahun yang lalu kedapatan banyak kelemahannya. Oleh kerana Perlembagaan itu sendiri ciptaan manusia, sudah pasti ada kelemahan dan oleh kerana keadaan telah berubah, pemikiran rakyat telah menjadi lebih maju, ekonomi telah berkembang, sains dan teknologi telah muncul dengan pesatnya, maka dengan sebab itu Perlembagaan harus dipinda. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan dibacakan kali yang kedua sekarang.

Sudah lebih 20 kali Dewan Rakyat dan Dewan Negara meminda Perlembagaan dan sekarang didapati masih ada lagi perkara yang didapati lemah yang perlu diperbaiki dan diperkukuhkan. Kita sekalian yang menjadi rakyat negara ini akan mengambil daya usaha terus menerus meminda Perlembagaan, selagi langkah itu perlu untuk menyelesaikan masalah-masalah besar yang dihadapi oleh negara. Kita mahukan negara ini terus makmur dan maju supaya pihak-pihak yang mengancam kesejahteraan negara kita akan kecewa dalam usaha melemahkan perjuangan kita itu.

Tuan Yang di-Pertua, satu masalah besar yang dihadapi dalam usaha penswastan ialah mengenai tanah. Oleh kerana peruntukan perlembagaan yang mengawal perhubungan di antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri dalam perkara tanah adalah agak ketat, maka Kerajaan Persekutuan telah mengalami kerumitan untuk melaksanakan sepenuhnya rancangan penswastan. Memandangkan masalah ini, Kerajaan telah memutuskan untuk mengkaji semula peruntukan yang berkenaan dalam Perlembagaan dengan tujuan membuat perubahan supaya lebih bersesuaian dengan keperluan masa kini. Di antara perkara-perkara pindaan yang besar dalam Rang Undang-undang ini ialah pindaan yang berkaitan dengan peruntukan mengenai tanah.

Perkara 83 memberi kuasa kepada Kerajaan Persekutuan meminta Kerajaan Negeri memberikan tanah dalam Negeri yang berkenaan untuk maksud-maksud Persekutuan dan mewajibkan Negeri untuk memberikan tanah yang diminta itu. Hak Kerajaan Persekutuan dan kewajipan Kerajaan Negeri di bawah Perkara 83 berbangkit hanya apabila tanah diperlukan bagi maksud-maksud Persekutuan.

Ada kemungkinan akan timbul keadaan di mana kedua-dua Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan akan untung sekiranya Kerajaan Negeri boleh memberikan tanah kepada Kerajaan Persekutuan atas syarat-syarat yang dipersetujui di antara mereka, tanpa tertakluk kepada formaliti membuat permintaan di bawah Perkara 83 dan walaupun tanah itu mungkin tidak diperlukan pada masa itu untuk maksud-maksud Persekutuan. Perkiraan seperti ini tidak diperuntukkan dengan nyata dalam Perkara 83 itu. Oleh kerana itu Fasal 3 Rang Undang-undang ini mencadangkan supaya Perkara 83 itu dipinda dengan memasukkan Fasal baru (8) yang menjelaskan bahawa Kerajaan Negeri boleh memberi tanah kepada Kerajaan Persekutuan atas syarat-syarat yang dipersetujui bersama tanpa permintaan formal oleh Kerajaan Persekutuan atas kuasa di bawah Perkara itu,

Perkara ini memperkatakan tentang keadaan apabila tanah yang terletak kepada Persekutuan atau pihak berkuasa awam tidak lagi dikehendaki untuk maksud-maksud Persekutuan. Dalam keadaan itu, tanah ini mestilah berbalik kepada Kerajaan Negeri dengan syarat Kerajaan Negeri bersetuju membayar kepada Persekutuan amaun yang ditetapkan di dalam Fasal (1) Perkara itu. Jika Kerajaan Negeri tidak bersetuju membuat bayaran itu, maka tanah itu tidak akan berbalik kepada Negeri dan Kerajaan Persekutuan atau pihak berkuasa awam berkenaan akan bebas menjual tanah itu.

Perlaksanaan Dasar Penswastan mungkin melibatkan tanah yang dipegang oleh Kerajaan Persekutuan atau pihak berkuasa awam diuruskan sebegitu rupa sehingga menimbulkan anggapan bahawa tanah tersebut telah tidak diperlukan lagi.

Syarat Perkara 84 bahawa tanah yang tidak diperlukan mestilah berbalik kepada Negeri akan menyulitkan pelaksanaan dasar penswastaan Kerajaan Persekutuan. Oleh itu Fasal 4 Rang Undang-undang ini mencadangkan supaya Perkara 84 itu dimansuhkan.

Dengan itu hapuslah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan untuk menawarkan balik tanah yang tidak lagi diperlukan kepada Kerajaan Negeri. Jadi, tanah berkenaan akan kekal hakmilik Kerajaan Persekutuan atau pihak berkuasa awam yang berkenaan walaupun ia tidak diperlukan lagi.

Perkara 85 mengawal tanah yang dirizabkan untuk maksud Persekutuan. Jika tanah itu tidak lagi dipertukan, Kerajaan Persekutuan diwajibkan melepaskannya balik kepada Negeri jika Negeri membayar kepada Persekutuan pampasan yang ditetapkan dalam Fasal (1) Perkara itu. Jika Kerajaan Negeri tidak bersetuju menerima tawaran yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan maka Kerajaan Negeri diwajibkan, jika diminta, memberikan tanah itu kepada Kerajaan Persekutuan dengan syarat Kerajaan Persekutuan membayar premium dan sebagainya.

Tanah rizab mungkin terlibat juga dalam pelaksanaan Dasar

Penswastaan Kerajaan Persekutuan. Dalam melaksanakan dasar itu, tanah rizab mungkin akan diuruskan sebegitu rupa sehingga boleh disalah anggap bahawa tanah itu tidak lagi diperlukan. Syarat yang dikenakan oleh Perkara 85 bahawa tanah itu hendaklah ditawarkan balik kepada Kerajaan Negeri akan menyulitkan pelaksanaan Dasar Penswastaan. Oleh kerana itu Fasal 5 Rang Undang-undang ini mencadangkan supaya Perkara 85 digantikan dengan Perkara 85 yang baru.



Di bawah peruntukan baru, Kerajaan Persekutuan berhak meminta Kerajaan Negeri supaya memberi milik tanah rizab Persekutuan kepadanya dengan syarat ia membayar nilai pasaran bagi tanah itu setelah ditolak nilai bagi apa-apa kos pemajuan yang dibuat untuk msbolehkan tanah itu dirizabkan. Di bawah Perkara 85 yaag baru itu Kerajaan Persekutuan tidak lagi mewajibkan melepaskan tanah rizab yang tidak diperlukan tetapi ia boleh berbuat demikian di bawah Fasal (3) asalkan Kerajaan Negeri membayar balik nilai pasaran dan kos pengambilan balik tanah sebagaimana yang disebutkan tadi.

Bagi tanah yang terus dirizabkan, Fasal (4) dalam Perkara 83 yang baru itu memberi kuasa yang luas kepada Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Persekutuan boleh memberikan tanah itu kepada mana-mana orang hak bagi maksud-maksud Persekutuan atau bagi maksud—maksud sampingan dan juga Kerajaan Persekutuan tidak dapat menggunakan tanah itu buat sementara waktu, ia boleh memberikan kepada mana-mana orang hak untuk menggunakannya bagi apa-apa maksud bagi tempoh dan dengan syarat-syarat sebagaimana yang ditetapkan.

Perkara 185 mengawal pelupusan tanah yang terletak hak kepada kerajaan Persekutuan. Kerajaan Persekutuan tidak boleh melupuskan tanah itu kecuali untuk maksud-maksud Persekutuan. Selain daripada itu jika hendak dilupuskan kepada orang lain, ia hendaklah dibuat di bawah Undang-undang Persekutuan atau atas perintah Yang di-Pertuan Agong. Sesuatu pihak berkuasa awam atau mana-maaa orang yang memegang tanah daripada Kerajaan Persekutuan tidak boleh melupuskan tanah itu seterusnya kepada pihak lain kecuali kepada Kerajaan Persekutuan. Kawalan yang dikenakan oleh Perkara 86 itu akan menyulitkan perlaksanaan rancangan pembangunan dan ekonomi Kerajaan Persekutuan, khususnya rancangan penswastaan yang akan melibatkan

pelupusan tanah kepada pihak-pihak lain selain daripada pihak berkuasa awam. Tanah itu juga mungkin disalahgunakan serta tidak dirancang akan berbalik kepada Kerajaan Persekutuan. Oleh kerana itu Fasal 6 Rang Undang-undang ini mencadangkan supaya Perkara 86 yang ada sekarang digantikan dengan Perkara 86 yang baru untuk memberi kebebasan kepada Kerajaan Persekutuan melupuskan apa-apa tanah yang terletak padanya kepada mana-mana orang sebagaimana yang difikirkan patut.

Kerajaan sedar tentang perlunya ada Kebebasan Kehakiman di negeri kita ini. Kebebasan kehakiman yang terdapat di negara ini diperakui dan dihormati di kalangan dunia antarabangsa. Kerajaan mahukan keadaan itu diteruskan dan tidak sekali-kali berminat untuk mempengaruhi pihak Kehakiman supaya menyebelahnya. Kerajaan akan terus menghormati semua keputusan mahkamah tanpa mengira sama ada ia menang ataupun kalah dalam kes-kes yang tertentu. Seperti dalam kenyataan saya pada mula-mula tadi bahawa Malaysia boleh berbangga dengan sistem kehakiman di antara beberapa buah negara dalam dunia yang mengamalkan sistem yang sama di mana kehakiman berjalan dengan bebas sekalipun ada masanya Kerajaan telah kalah dalam perbicaraan. Apa yang menjadi kebimbangan Kerajaan ialah adanya kejadian di mana tindakan-tindakan Eksekutif atau Perundangan yang diambil untuk melindungi kepentingan rakyat boleh dibawa ke mahkamah dan hal itu telah dipertikaikan.

Kerajaan sentiasa bertindak mengikut kalimat undang-undang tetapi ada pihak yang cuba mempersoalkan perkara-perkara teknikal dan menggunakannya untuk membuktikan bahawa tiadanya Kerajaan itu salah. Apabila keputusan itu dibawa ke peringkat rayuan, hakim-hakim yang mengadilinya tidak semua sependapat bahawa Kerajaan

telah bertindak salah. Memandangkan bahawa hakim-hakim juga tidak sependapat mengenai pentafsiran dan penguatkuasaan undang-undang yang ada dalam perkara-perkara yang tertentu, maka satu undang-undang itu hendaklah khusus dan jelas. Tanggungjawab pihak-pihak yang tertentu juga pertulah dijelaskan agar tidak timbul lagi kekeliruan dalam perlaksanaan undang-undang serta tidak perlu pertindihan kuasa dalam perkara-perkara yang tertentu.

Dalam perkara—perkara tindakan Eksekutif atau langkah Perundangan ini Kerajaan sentiasa bertindak dengan niat baik dan tidak sekali-kali berniat untuk menganiaya sesiapa, jauh sekali daripada tujuan untuk memudaratkan rakyat atau negara, Kita adalah Kerajaan yang dipilih oleh rakyat dan berjiwa rakyat, Kerajaan berpendapat bahawa setengah perkara yang dianggap terletak dalam bidang kuasa Eksekutif atau Perundangan tidak seharusnya dipertikaikan di mahkamah. Oleh kerana itu, Kerajaan mencadangkan supaya Perkara 121 Perlembagaan dipinda.

Perkara 121 Itu meletakkan kuasa kehakiman kepada Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rendah. Ianya juga meletakkan kuasa tertentu kepada Mahkamah Agung.

Fasal 8 Rang Undang-undang ini mencadangkan supaya Perkara 121 itu dipinda dengan menghapuskan peruntukan tentang meletakkan kuasa kehakiman kepada mahkamah dengan memasukkan ke dalam Fasal 1 perkara itu peruntukan yang mengatakan bahawa Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rendah hendaklah mempunyai bidang kuasa dan kuasa seperti yang dinyatakan di bawah Undang-undang Persekutuan.

Dengan yang demikian perkara itu tidak lagi akan memberi penekanan pada meletakkan kuasa kehakiman Persekutuan kepada mahkamah tetapi akan hanya memperkatakan tentang jenis mahkamah dan bidang kuasa serta kuasa-kuasanya.

Pada akhir-akhir ini mahkamah telah memberi pentafsiran luas kepada perkataan "judicial powers" sehinggalah sesuatu tindakan yang merupakan tindakan Eksekutif ditaksirkan sebagai "Judicial powers". Kalau ini berterusan maka akan timbullah gambaran bahawa pihak mahkamahlah yang sebenarnya mentadbirkan negara ini. Dengan pindaan ini Parlimen akan berkuasa membuat undang-undang bagi menentukan batasan pihak Kehakiman dan Eksekutif dengan sejas-jelasnya. Dengan adanya undang-undang sedemikian Kerajaan berharap akan dapat mengelakkan daripada berlakunya sebarang konfrantasi di antara pihak Kehakiman dengan pihak Eksekutif dan Perundangan.

Suka saya menjelaskan bahawa dengan pindaan ini kedaulatan undang-undang dan mahkamah sedikit pun tidak terjejas. Pindaan ini semata-mata menjelaskan batasan pihak mahkamah sahaja.

Satu lagi pindaan yang dicadangkan kepada Perkara 121 ialah dimasukkan satu fasal baru 1A yang menjelaskan bahawa mahkamah yang tersebut dalam perkara itu iaitu mahkamah-mahkamah sivil tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan apa-apa perkara yang terletak di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah, Pindaan ini dicadangkan oleh kerana pada masa-masa yang lalu seseorang yang tidak berpuas hati dengan satu-satu keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Syariah dapat mencari jalan untuk membawa kes yang sama ke Mahkamah Tinggi dengan tujuan mendapatkan keputusan yang berlainan daripada keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Syariah. Keadaan ini telah menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan umat Islam di negara ini dan telah menjejaskan kewibawaan Mahkamah-mahkamah Syariah.

Kerajaan berpendapat bahawa perkara-perkara yang terletak di bawah kekuasaan Mahkamah Syariah tidak seharusnya dipersoalkan lagi di mahkamah sivil lebih-lebih lagi memandangkan bahawa isu yang berbangkit dalam kes-kes seperti itu sering melibatkan perkara-perkara hukum syarak.

Dalam hal ini, Hakim-hakim Mahkamah Syariah adalah arif untuk membuat keputusan. Pindaan ini adalah sejajar dengan hasrat Kerajaan untuk meningkatkan lagi kedudukan dan kewibawaan Mahkamah Syariah kita itu.

Saya telah menyebut tentang kebimbangan Kerajaan kerana mahkamah dapat mengenenpikan sesuatu keputusan atau tindakan Eksekutif Kerajaan walaupun Kerajaan percaya ia telah bertindak mengikut peruntukan undang-undang dengan niat yang baik. Mahkamah juga pernah mengenenpi dan mengisytiharkan sebagai tidak sah perundangan yang difikirkan layak oleh Parlimen untuk mengatasi sesuatu masalah.

Satu contoh yang ada kaitan dengan pindaan yang terkandung dalam Rang Undang-undang ini ialah apa yang berlaku kepada Seksyen 418A Kanun Prosedur Jenayah yang telah diperkenalkan melalui Akta Kanun Prosedur Jenayah (Pindaan dan Perluasan) 1976.

Tujuan Seksyen 418A itu ialah untuk memberi kuasa kepada Pendakwaraya untuk meminta Mahkamah Rendah memindahkan kes yang menunggu penyelesaian di hadapannya ke Mahkamah Tinggi di tempat yang ditetapkan oleh Pendakwaraya. Apabila Pendakwaraya membuat permintaan itu Mahkamah Rendah yang berkenaan diwajibkan menghantar kes itu ke Mahkamah Tinggi yang ditetapkan tanpa apa-apa penyiasatan awal atau, dengan izin, "preliminary inquiry."

Tujuan Seksyen 418A itu diwujudkan ialah untuk membolehkan sesuatu kes itu dikendalikan dengan lebih licin serta memberi lebih peluang mencapai keadilan. Misalaya atas sebab-sebab tertentu sesuatu kes itu tidak sesuai dibicarakan di Mahkamah Rendah di sesuatu tempat tertentu atau lebih sesuai jika dibicarakan oleh Mahkamah Tinggi. Tetapi sesuatu kes itu hanya diketahui oleh Pendakwaraya oleh kerana kepadanya disampaikan maklumat-maklumat yang lengkap mengenainya. Oleh sebab itu difikirkan wajar Pendakwaraya diberi kuasa untuk menggerakkan supaya kes itu dibicarakan di Mahkamah Tinggi yang tertentu.

Semasa Seksyen 418A itu diwujudkan adalah difikirkan bahawa kuasa yang diberi oleh Seksyen itu tidak bercanggah dengan Perlembagaan dan juga difikirkan sesuai dengan peranan Peguam Negara sebagai Pendakwaraya di bawah Perlembagaan oleh kerana kuasa itu difikirkan melibatkan prosedur sahaja dan tidak menyentuh kewibawaan mahkamah dalam memutuskan sesuatu kes. Apakah salahnya jika sesuatu kes di Mahkamah Rendah itu dipindahkan ke Mahkamah Tinggi atas

permintaan Pendakwaraya? Tentulah lebih baik lagi kesemua pihak jika kes itu dibicarakan di Mahkamah Tinggi. Tetapi Seksyen A13A itu telah dicabar beberapa kali di mahkamah atas alasan ia bercanggah dengan Perlembagaan.

Dalam tahun 1976 Seksyen itu telah dicabar dan Mahkamah Tinggi telah memutuskan Seksyen itu tidak sah kerana bercanggah dengan sesuatu segi Perlembagaan. Tetapi setelah mendengar rayuan terhadap keputusan itu Mahkamah Persekutuan telah memutuskan Seksyen itu adalah sah.

Dalam tahun 1987 pula Seksyen itu dicabar sekali lagi atas alasan ia bercanggah pula dari segi lain dalam Perlembagaan. Dan kali ini Mahkamah Agung memutuskan bahawa Seksyen itu tidak sah. Keputusan itu ialah keputusan majoriti 3 berlawanan 2.

Sifat mahkamah-mahkamah sebeginilah yang telah menimbulkan keadaan serba salah kepada Kerajaan dengan persoalan apakah yang perlu dilakukan demi keselamatan dan kepentingan rakyat. Kerajaan masih memerlukan peruntukan seperti Seksyen 418A itu di atas sebab-sebab yang tersebut tadi. Untuk tujuan itu adalah difikirkan perlu diadakan dalam Perlembagaan peruntukan khusus yang akan membolehkan Seksyen seperti itu dibuat dalam undang-undang,

Oleh yang demikian, Fasal 10 Rang Undang-undang ini mencadangkan supaya dimasukkan ke dalam Perkara 145 Fasal baru 3A yang membolehkan undang-undang Persekutuan memberi kuasa kepada Peguam Negara untuk menentukan mahkamah-mahkamah di mana prosiding yang Peguam Negara berkuasa memulakan, akan diadakan atau kepada mahkamah mana prosiding itu akan dipindahkan. Di sini perlulah ditegaskan bahawa pindaan ini tidak memberi kuasa kepada Peguam Negara untuk memilih hakim bagi membicarakan kes yang dipindahkan itu. Kuasa ini

hanya membolehkan beliau memindahkan sesuatu kes kepada mahkamah lain atas sebab-sebab tertentu dan terpulanglah kepada pihak kehakiman menentukan hakim-hakim yang membicarakan kes itu.

Saya telah memberikan penjelasan mengenai pindaan kepada Perkara 83, 84, 85, 86, 121 dan 145 terdahulu daripada pindaan yang lain. Oleh kerana pindaan-pindaan itu dianggap paling penting. Selain daripada pindaan-pindaan itu kesempatan telah diambil untuk mencadangkan beberapa pindaan lain yang Kerajaan dapati perlu untuk melicinkan jentera pentadbirannya dan juga untuk membereskan beberapa keadaan yang tidak seimbang. Pindaan-pindaan tersebut adalah seperti berikut:-

Fasal 4, Perkara 5 memberi perlindungan kepada orang-orang yang kena tangkap dengan mensyaratkan bahawa mereka hendaklah di bawa ke hadapan Majistret dalam tempoh 24 jam dan tidak boleh ditahan selanjutnya tanpa kebenaran Majistret.

Dari pengalaman dalam menguruskan kes-kes orang-orang yang memasuki negara ini secara haram, Kerajaan mendapati bahawa adalah sukar hendak membawa mereka ke hadapan Majistret dalam tempoh 24 jam oleh kerana mereka ini adalah rakyat negara asing. Banyak perkara yang perlu diuruskan sebelum pihak mereka dapat dibawa ke Mahkamah Majistret ke hadapan Majistret. Kerajaan berpendapat bahawa orang-orang ini tidak wajar diberi perlindungan mengikut Fasal 4 kerana mereka bukannya warganegara Malaysia, mereka datang dengan tiba-tiba dan tinggal di setiap pelusuk negara ini. Oleh itu adalah sukar bagi pihak berkuasa untuk menghadapkan mereka di hadapan Majistret dalam tempoh 24 jam.



Oleh itu Fasal 2 Rang Undang-undang ini mencadangkan supaya dimasukkan dua lagi proviso tambahan kepada Fasal 4 Perkara 5 atas sebab-sebab yang saya nyatakan tadi, proviso tambahan pertama bertujuan mengubahsuai syarat Fasal 4 itu supaya dalam hal orang-orang bukan warganegara yang di tangkap di bawah undang-undang mengenai Imigresen tempoh untuk mereka dihadapkan kepada Majistret ialah 14 hari dan bukannya 24 jam.

Oleh kerana Fasal (4) mensyaratkan orang-orang yang kena tangkap dibawa ke hadapan majistret maka orang-orang yang ditangkap kerana kesalahan di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah kenalah juga dibawa ke hadapan Majistret. Keperluan ini adalah tidak sesuai lagi bagi kes-kes yang bakal dihadapkan di Mahkamah Syariah dan akan menjejaskan kelicinan pengurusan kes-kes seperti itu. Oleh sebab itu adalah perlu diadakan proviso tamhahan kedua di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini yang bermaksud bahawa untuk mematuhi Fasal (4) dalam hal orang-orang yang ditangkap kerana kesalahan yang boleh dibicarakan di Mahkamah Syariah mereka boleh juga dibawa ke hadapan hakim Mahkamah Syariah dan penahanan mereka selanjutnya boleh juga dibenarkan oleh hakim Mahkamah Syariah.

Perkara 118A menyatakan bahawa sesuatu aduan tentang tidak adanya dibuat pemilihan ke Dewan Rakyat hendaklah dianggap sebagai petisyen pilihanraya dan Mahkamah Tinggi boleh membuat perintah untuk memaksa supaya pemilihan dibuat, Perkara itu juga menyatakan bahawa kegagalan membuat pemilihan dalam tempoh yang dinyatakan oleh Perkara 54 dan 55 tidak boleh dijadikan alasan untuk mengisytiharkan bahawa seseorang ahli itu telah tidak dipilih sewajarnya.

Fasal 7 Rang Undang-undang ini mencadangkan supaya Perkara 118A. itu dipinda supaya ianya terpakai juga bagi pemilihan ke Dewan Undangan Negeri.

Fasal (2A) dalam Perkara 142 menetapkan bahawa pengerusi sesuatu Suruhanjaya Perkhidmatan tidak layak memegang jawatan jika dia bergiat dalam urusan perniagaan dan sebagainya.

Fasal 9 Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Fasal (2A) supaya timbalan pengerusi sesuatu Suruhanjaya Perkhidmatan akan juga tertaluk kepada Fasal itu.

**Perkara 158**

Perkara Ini membolehkan perkiraan-perkiraan dibuat berkenaan dengan Kerajaan Brunei tentang hal ehwal pentadbiran, perkhidmatan dan kuasa Eksekutif. Oleh kerana perkiraan-perkiraan itu tidak diperlukan lagi sekarang, maka dicadangkan melalui Fasal 11 Rang Undang-undang ini supaya Perkara 158 itu dimansuhkan.

Fasal 12 Rang Undang-undang ini bertujuan membuat beberapa pindaan kepada Senarai-senarai Undang-undang dalam Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Persekutuan. Pindaan itu menyentuh perkara-perkara perumahan, peninggalan purba dan sebagainya serta kebudayaan dan sukan.

Butiran 24 dalam Senarai-s e n a r a i Persekutuan menetapkan perumahan Persekutuan dan amanah kemajuan (Federal housing and improvement trusts) sebagai perkara Persekutuan.

Butiran 4(c) Senarai II, Senarai Negeri menetapkan sebagai perkara Negeri perumahan dan peruntukan bagi kemudahan perumahan amanah kemajuan.

Kerajaan Persekutuan merancang untuk memainkan peranan yang penting dalam melaksanakan Dasar Perumahan Negara. Hasrat untuk menyediakan perumahan yang secukupnya bagi rakyat yang memerlukan tempat tinggal tentu akan dapat dicapai ke tahap yang lebih tinggi sekiranya usaha Kerajaan-kerajaan Negeri ditampung dengan penglibatan yang gigih di pihak Kerajaan Persekutuan. Untuk memainkan peranannya dengan berkesan, Kerajaan Persekutuan mungkin perlu mewujudkan undang-undang tertentu tetapi dengan keadaan butiran-butiran dalam Senarai I dan II sebagaimana dinyatakan tadi adalah sukar hendak menentukan apakah batasan bidang kuasa Persekutuan dalam perkara perumahan. Oleh yang demikian adalah dicadangkan

supaya butiran 24 Senarai 1 dimansuhkan dan butiran 4(c) dalam Senarai II dipindahkan kepada senarai III, Senarai Bersama dengan menjadikan butiran 9C. Dengan itu perkara perumahan dan sebagainya akan menjadi perkara bersama yang tidak ada batasannya bagi Kerajaan Persekutuan dari segi Perlembagaan.

Di bawah butiran 13(b) Senarai 1 perkara perpustakaan dan muzium, monumen dan rekod purbakala dan sejarah serta tapak dan peninggalan zaman purba adalah perkara Persekutuan. Perkara itu adalah juga perkara Negeri bagi negeri-negeri Sabah dan Sarawak sebagaimana diperuntukkan oleh butiran 17 Senarai IIA kecuali jika mana-mana perkara itu diisytiharkan sebagai hak Persekutuan oleh undang-undang Persekutuan.

Negeri-negeri di Semenanjung Malaysia yang berhasrat menjalankan usaha untuk mengekalkan dan memperbaiki peninggalan sejarahnya tidak dapat berbuat demikian dengan berkesan oleh kerana mereka tidak ada kuasa membuat undang-undang mengenai perkara itu. Maka adalah dicadangkan supaya butiran 17 dalam Senarai IIA itu dipindahkan kepada Senarai II supaya perkara ini, terletak kepada butiran 13 (b) senarai I, akan menjadi perkara Negeri bagi semua negeri di Malaysia.

#### Kebudayaan dan Sukan

Pada masa ini perkara kebudayaan dan sukan tidak disebut dalam Jadual Kesembilan. Oleh yang demikian menurut Perkara 77, hal kebudayaan dan sukan menjadi hal yang di bawah kuasa perundangan negeri-negeri sedangkan Kerajaan Persekutuan banyak menjalankan usaha-usaha bagi kepentingan kebudayaan dan sukan seluruh negara. Usaha-usaha itu ada kalanya memerlukan undang-undang untuk menjadikannya lebih berkesan. Adalah dicadangkan supaya perkara kebudayaan

dan sukan dimasukkan ke dalam Senarai III sebagai butiran 9B, dengan itu menjadi perkara bersama.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini telah ditimbang dengan sehalus—halusnya oleh Kerajaan dan telah dipersetujui oleh semua pihak dalam Kerajaan. Ianya telah diputuskan semata-mata untuk kepentingan negara dan rakyat dan oleh yang demikian ia tidak seharusnya menimbulkan sebarang perasaan curiga atau kebimbangan di kalangan rakyat. Kerajaan tidak akan meminda Perlembagaan jika ia tidak betul-betul puas hati bahawa pindaan itu adalah benar-benar perlu untuk kepentingan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yaag kedua.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [**Tuan Haji Hussein bin Ahmad**]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di—Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat **Tuan Azman Atar**.

#### **4.07 ptg.**

**Tuan Azman Atar bin Othman**: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana memberi peluang saya turut membahs Rang Undang-undang yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri iaitu satu Rang Undang-undang untuk meminda Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, tugas Dewan Negara untuk membahas dan untuk menghalusi segala Rang Undang-undang sebelum ianya diluluskan kerana ia akan memberikan kepentingan dan kegunaan kepada negara dan kepada rakyat. Oleh itu, saya menyokong penuh atas Rang Undang-undang yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi terutamanya di dalam Perkara 5 bersabit penahanan daripada 24 jam diberi tempoh lebih lama iaitu kepada 14 hari.

Saya juga bersetuju, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana keadaan kemasukan orang luar di dalam negara kita ini berbagai-bagai cara mereka masuk. Ada cara seludup, ada cara menjadi pengedar dan ada juga berbagai-bagai bentuk cara kemasukan orang luar. Maka kalaulah hanya setakat 24 jam sahaja untuk diberi peluang kepada pihak berkuasa untuk menahan dan terus membawa mereka kepada mahkamah untuk dihakamkan, saya percaya sudah barang tentu dia akan mendapat bukti-bukti dan juga perkara-peckara yang patut dijadikan supaya pihak Majistret dapat menjalankan tugasnya dengan adil. Maka dengan adanya 14 hari ini, saya percaya sudah barang tentu akan memberi peluang kepada pihak berkuasa untuk menjalankan proses supaya membawa kes ke Majistret dengan seadil-adilnya.

Saya harap apabila Rang Undang-undang ini diluluskan maka kepada pihak berkuasa terutamanya Imigresen, Kastam dan Polis terpaksa bekerja dengan lebih gigih dan lebih bertanggungjawab di dalam menentukan semua apa jua bentuk Rang Undang-undang yang diluluskan dan untuk kegunaan pentadbiran di bahagian masing—masing, ia akan berjalan dengan baik tanpa dicemek ataupun menjadi ejekan kepada mana-mana pihak.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, bersabit dengan Perkara 83, soal Pengambilan Tanah oleh Kerajaan Persekutuan.

Saya juga menyokong penuh dengan adanya Rang Undang-undang ini, maka saya percaya tanah~tanah yang terbiar selama ini di peringkat Negeri akan diambil alih oleh pihak Persekutuan dan ini akan memudahkan lagi proses pentadbiran pembangunan negara dengan lebih baik, agar negara Malaysia ini merupakan sebuah negara yang akan senatisa di hormati oleh negara-negara jiran.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong penuh di dalam perkara pindaan antrara Mahkamah Sivil ke Mahkamah Syariah. Ini amat saya sanjuiig tinggi di atas usaha Kerajaan, sudah menang sewajarnya oleh kerana Agama Islam sebagai Agama Rasmi di dalam negara ini, maka sudah sewajarnya apa jua perkara-perkara yang bersabit dengan Mahkamah Syariah mestilah diputuskan oleh Mahkamah Syariah tanpa boleh didakwa lagi kepada mana-mana mahkamah, kerana ini adalah merupakan hukum Islam dan sepatutnyalah kita meletakkan Mahkamah Syariah ini sehagai satu Mahkamah Tinggi di dalam negara kita, yang telah meletakkan Agama Islam sebagai Agama Rasmi.

Saya juga mengharapkan pihak Kerajaan apabila kita telah meluluskan Rang Undang-undang di atas perpindahan Mahkamah Sivil ke Mahkamah Syariah ini, supaya rneletakkan pihak Hakim di Mahkamah Syariah ini di satu tempat yang sewajarnya. Ini memerlukan kita sama-sama menjaga kesucian hukum-hukum Islam dan juga meletakkan penghormatan kepada Hakim-hakimi yang menjalankan tugas di Mahkamah

Syariah masing-masing.

Saya mengharapkan juga dengan pindaan Rang Undang-undang ini kepada rakyat yang hukan Islam tidak perlu bimbang dan tidak perlu khuatir, kerana ianya tidak menjejaskan sama sekali agama-agama lain dan kedudukan kebudayaan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Perkara 121, Fasal haru 1A dan Fasal baru 3A, Perkara 145, saya menyokong penuh Kerajaan yang dipilih oleh rakyat, mesti mempunyai satu pentadbiran yang baik dan tidak dianggap menjatuhkan imej Kerajaan dalam apa juga pindaan-pindaan mesti diteliti dengan begitu teliti kerana kita percaya bahawa Kerajaan yang ada sekarang adalah Kerajaan yang dipilih oleh rakyat. Maka Ketua Kerajaan sebagai Perdana Menteri yang mempepori pentadbiran Kerajaan yang ada sekarang akan mengkaji dari masa ke semasa apa jua bentuk Rang Undang-undang yang patut dipinda untuk kegunaan negara dan rakyat harus dipinda.

Saya elah bercakap beberapa kali dalam Dewan ini kerana dalam negara kita ini adalah merupakan kaum majmuk dan kita memerlukan tiap-tiap pindaan yang telah dikaji dengan teliti kerana ianya akan

aat.a satu Rang Undang-undang supaya negara Malaysia kita ini tidak diketawa oleh negara-negara luar seolah-olah di dalam negara kita ini di samping Kerajaan berkuasa, ada lagi pihak yang lebih berkuasa daripada pihak Kerajaan.

Saya terpaksa sentuh dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, pertamanya, di dalam kita meminda Rang Undang-undang pada masa sekarang yang menyebut masalah kedudukan dan tugas Kehakiman dan ada pihak-pihak yang mengatakan bahawa kita seolah-olah sudah merampas



tugas-tugas Hakim dan saya tidak nampak sama sekali bahawa Kerajaan merampas tugas-tugas Hakim, malahan kita meletakkan tugas-tugas yang kena pada tempatnya masing-masing supaya ia tidak menyalahgunakan tugas atau mengambil-alih tugas masing-masing.

Hakim dan kepada sesiapa juga harus faham Kerajaan yang dipilih oleh rakyat, maka ia perlu apa jua bentuk Kehakiman dan bentuk Perundangan mestilah mendapat sanjungan tinggi dari rakyat jelata. Ada pula yang mengatakan takut-takut Hakim akan meletakkan jawatan kalau sekiranya Rang Undang-undang ini diluluskan. Saya rasa perkara ini lebih meringankan para Hakim, tidak sepatutnya Hakim meletakkan jawatan, kerana tindak-tanduk dan semua keputusan yang akan dibuat rakyat dan orangramai tidak akan menyalahkan Hakim, malahan menyalahkan Kerajaan yang membuat undang-undang dan juga Kerajaan telahpun meneliti dengan begitu teliti sebelum satu Rang Undang-undang dibuat. Tuan Yang di-Pertua, saya percaya dengan adanya pindaan Rang Undang-undang ini akan meninggikan lagi imej negara kita. Saya berharap apa juga perkara-perkara dan masalah yang berbangkit dalam negara kita yang difikirkan patut dipinda dari segi undang-undang dari masa ke semasa harus dipinda, kerana ke belakangan ini saya amat kasihan melihat Perdana Menteri kita Yang Amat Berhormat kerana nasib beliau ketika beliau memimpin, kita mengharapkan pemimpin-pemimpin yang telah bersara, yang kita berikan tempat begitu lumayan dan kemudahan yang begitu baik, tetapi apa yang kita harap-harapkan mereka untuik membantu sama-sama mentadbir negara ini sebagai penasihat, tetapi malangnya harapan itu tinggal dengan harapan, malahan menimbulkan berbagai angkara.

Saya ingin menasihatkan kalau sudah puas mendapat tempat yang begitu istimewa dalam dunia, sudah sampai ke tahap yang paling tinggi di dalam dunia. Kepada orang Islam kita akan berpindah ke satu alam yang lain, maka saya menasihatkan mereka ini supaya menempah jawatan di alam yang lain supaya Tuhan akan berkati dan akan memakbulkan. Insyallah, kalau sekiranya usaha dan ibadat yang ditempah untuk di alam yang lagi satu, Tuhan tidak akan mungkir janji, insyallah Tuhan akan menempatkan ke dalam syurga, tetapi kalau masih lagi sebagai pesara yang selama ini telah kita letakkan satu penghormatan yang paling tinggi, tetapi kebelakangan ini di dalam keadaan negara kita politiknya tidak begitu stabil, disebabkan perebutan kuasa, setelah kita anggapkan ini sudah mula tenang, maka timbul pula satu gejala, satu pasukan yang cuba mempengaruhi rakyat untuk menggagalkan semua rancangan yang diusahakan oleh pucuk pimpinan Perdana Menteri kita.

Saya amat kecewa dan dukacita perkara ini berlaku, Tuan Yang di-Pertua, sehinggalah tidak pernah berlaku di dalam negara, kepantingan keturunan orang Melayu menderhaka kepada pemimpinnya, terutama kepada Rajanya sendiri.

Sekarang sudah bermula, detik bermulanya rakyat sudah meletakkan tanda tanya apabila taat setia rakyat ingin dipersembahkan kepada Raja, Raja sudah tidak mahu mendengar taat setia ini. Apakah ini sudah tidak lagi diiktiraf oleh Raja bahawa pemerintahan negara ini diperintah oleh pilihan rakyat untuk membentuk Kerajaan yang ada sekarang, ataupun ada di antara gejala-gejala yang cuba memainkan peranan untuk melaga-lagakan di antara Kerajaan dengan Raja-raja?

Saya memheri amaran kepada Kerajaan, terut.amanya dan pihak yang berkuasa jalankan tugas masing-masing, jika sekiranya terdapat pihak-pihak yang cuba melaga-laga antara Kerajaan dengan Raja, maka ambil tindakan kerana ini adalah merupakan petualang yang boleh menghancur-leburkan negara kita, terntamanya di kalangan bangsa Melayu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat sedih, apa yang berlaku baru-baru ini. Sebagai Menteri Besar yang telah diberi mandat oleh rakyat negeri itu telah menyediakan satu ucapan untuk dipersembahkan kepada Raja, tetapi sudah tidak diterima, sudah tidak dikehendaki. Saya takut perkara ini akan merebak kepada negeri-negeri lain dalam negara ini. Kalau ianya berlaku, maka tidak harus rakyat diper-salahkan, Rakyat tidak pernah membelakargkan kedaulatan Raja-raja, malahan rakyat sentiasa mendaulatkan dan meletakkan kedaulatan Raja-raja paling atas sekali. Maka itu sebabnya didalam Titah Ucapan Diraja baru-baru ini, saya metiyokong penuh di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang begitu ikhlas dan berterus terang, tetapi di dalam itu, ada juga tidak faham, Maka saya berdoa supaya Allah lindungilah perkara-perkara yang boleh mendatangkan keburukan kepada negara kita terutamanya perselisihan faham di antara pemimpin dengan Raja.

Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa menyentuh dalam perkara ini, saya tahu pada besok hari, akhbar-akhbar akan memainkan peranan liputannya di dalam suratkhbar dan mungkin ada di antara Raja-raja yang tersinggung di atas ucapan saya ini. Tetapi bagi diri saya, tidak ada-apa. Saya sanggup menghadapi apa jua perkara-perkara yang patut dikenakan kepada saya kerana apa yang saya fikirkan ini saya perlu sebutkan demi keutuhan, demi perpaduan, demi kesejahteraan rakyat jelata dan negara kita untuk masa depan supaya saya tidak mahu dengan adanya satu dua perkara sehingga boleh rakyat tidak lagi menghormati Raja, sedangkan rakyat sentiasa menghormati Raja-raja. Tetapi, oleh kerana adanya satu dua orang yang ingin merebut kuasa, tidak dapat berkuasa, sehingga boleh mempengaruhi pihak-pihak

tertentu dengan membuat keadaan negara kita ini sentiasa menjadi tanda tanya oleh semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap teguran saya ini adalah merupakan teguran ikhlas dan semata-mata untuk kepentingan negara khasnya kepada rakyat jelata. Saya mahu mengingatkan sekali lagi kepada sesiapa jua, sedarilah bahawa negara Malaysia ini, walaupun bercorak demokrasi cara pemerintahannya, tetapi harus difaham, demokrasi ala-Malaysia tidaklah seperti macam ala-British. Demokrasi ala-British hanya daripada satu kaum, satu agama, satu kebudayaan. Apa jua berlaku tidak akan mimbangkan. Tetapi negara Malaysia ini adalah daripada semua kaum, maka orang-orang yang tertentu harus menunjukkan contoh yang baik supaya semua kaum dapat menghormati kepada contoh-contoh yang ditunjuk oleh tonggak-tonggak ataupun sebagai pembesar-pembesar dalam negara kita ini,

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi sebelum saya duduk untuk memberi peluang kepada kawan-kawan saya yang lain untuk membahaskan Rang Undang-undang ini kerana Rang Undang-undang ini perlu dibahas dengan teliti dan kita harus memberi pendapat-pendapat yang baik kerana kita tidak mahu Dewan Negara ini dianggap sebagai rubber stamp untuk menjadi pak tnrut atau mengangguk sahaja apa yang dibawa daripada Dewan Rakyat ke Dewan Negara diluluskan tanpa kita memper-tikaikan, memabaskan dengan begitu teliti. Maka itu sebabnya, kalau ada yang tidak berani menegur masalah perkara-perkara yang saya sebutkan tadi terhadap ada golongan cuba memecahbelahkan antara Raja dengan Pemimpin dan juga rakyat, maka saya berani mengur. Saya haraplah pihak berkuasa menjalankan tugas dengan jujur dan ikhlas, kalau kita ingin melihat negara kita ini sentiasa dipupuk semangat keharmonian, sentiasa dipupuk semangat

toleransi dan semangat hormat-menghormati antara satu dengan lain, maka jika sekiranya terdapat perkara-perkara yang menyalahi undang-undang yang boleh mencetuskan keamanan, keselamatan dalam negara, jangan ragu-ragu dan jangan takut-takut ambil tindakan. Insyallah, kalau pihak berkuasa menjalankan tugas dengan baik, dengan ikhlas, Tuhan sentiasa bersama-sama dengan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah sahaja yang dapat saya sampaikan dalam ucapan saya. Maka saya menasihatkan kepada sesiapa jua terutamanya daripada golongan yang sudah bersara, yang sudah pernah puas memberi khidmat bakti kepada negara dan telah kami beri tempat yang begitu baik sebagai pesara yang terhormat, janganlah campurtangan di dalam gelombang politik yang ada sekarang. Kalau ya pun mahu campurtangan, mari datang sebagai pendamai, sebagai penyelesaian masalah dan bukan sebagai trouble maker, minta izin, Tuan Yang di-Pertua.

Maka dengan itu saya menyokong penuh di atas Rang Undang-undang yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri tadi. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat **Tuan R.M. Jasni** .  
4.26ptg.

**Tuan R.M. Jasni:** Saya turut bangun untuk membahaskan Suatu Akta bernama Akta Perlembagaan Pertubuhan (Pindaan) 1988 yang sebentar tadi telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita .

Rang Undang-undang ini yang bertujuan meminda satu Perlembagaan Persekutuan Fasal 4, Perkara 5 yang memperuntukkan bahawa jika seseorang ditangkap, dia hendaklah dibawa ke hadapan majistret dalam

tempoh 2A jam, adalah masa yang terlalu singkat bagi pihak berkuasa mendapatkan butir-butir penyiasatan pesalah selengkapnya, terutama sekali kes-kes di hawah undang-undang yang berhubungan dengan imigresen. Dalam satu-satu musim yang tertentu, kita pernah mendengar bahawa di Malaysia ada musim-musim tertentu ramai yang ditangkap atas kesalahan imigresen berbanding dengan tenaga yang ada untuk mendapatkan maklumat penyiasatan. Oleh itu, pindaan ini adalah wajar memandangkan negara sentiasa dilanda oleh kemasukan pendatang haram.

Perkara 83 Kerajaan Persekutuan berkuasa menghendaki mana-mana kerajaan Negeri memberikan kepada Kerajaan Persekutuan mana-mana tanah yang diperlukan bagi maksud-maksud Persekutuan. Pindaan ini juga adalah wajar kerana memandangkan sebagai sebuah negara Persekutuan, kuasa-kuasa demikian perlu ditentukan oleh Perlembagaan supaya tidak menimbulkan kesulitan dan salah faham antara Kerajaan-kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya pusatkan perbahasan ini kepada Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan yang memansuhkan kuasa kehakiman yang dahulu diletakkan di dua bahagian, di dua Mahkamah Tinggi di negeri-negeri, Tanah Melayu dan di negeri-negeri Borneo, Sabah dan Sarawak. Kalangan cerdik pandai terutamanya pihak Peguam menjadikan Perkara 121 Pindaan ini sebagai topik perbualan dan perbincangan hangat di kalangan mereka. Media Massa dalam dan luar negeri menonjolkan pandangan-pandangan dan pendapat-pendapat bahawa kuasa kehakiman yang dahulunya terletak kepada mahkamah-mahkamah tidak lagi mempunyai kuasa yang besar ke atas badan perundangan dan pemerintahan, malahan tertakluk kepada undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua apakah dengan pindaan perkara 121 yang menggantikan perkataan-perkataan Tertakluk kepada Fasa (2) kuasa Kehakiman kepada perkataan-perkataan maka hendaklah ada dua Mahkamah Tinggi yang selaras bidang kuasa dan tarafnya, pihak Mahkamah dan Kehakiman tidak lagi mempunyai kuasa untuk mentakrifkan mana-mana undang-undang negari. Ini terpaksa kita jawab bersama.

Dengan pindaan Ini tidak nampak bahawa kuasa kehakiman iaitu kuasa untuk membenarkan atau menentukan pertelingkahan dan membicarakan kesalahan dan menghukum pesalah-pesalah telah hilang. Tidak nampak pihak kehakiman telah kehilangan kebebasan dalam mentakrifkan mana-mana undang-undang yang berlaku di negara ini.

[Timbalan Yang di-Pertua menpengkerusikan Mesyuarat]

Mungkin kebebasan para hakim mentakrifkan undang-undang yang terlalu luas dan hak mentakrifkan tanpa batasnya itu yang dipersoalkan dan perlu diiktiraf semula oleh kuasa Perlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya menekankan bahawa adalah menjadi tanggungjawab Parlimen dan Dewan yang mulia ini untuk memastikan Perlembagaan Persekutuan hendaklah bercorak dinamis dan tidak kekal-kaku dan boleh dikemaskinikan dalam menghadapi sebarang perubahan yang dikehendaki oleh negara, terutamanya dalam menghadapi sesuatu keadaan di mana kuasa-kuasa Eksekutif, Perundangan dan Kehakiman semacam terdapat pertembungan yang mengelirukan rakyat. Sebenarnya apa yang telah berlaku di akhir-akhir ini sudahpun mengelirukan. Sungguhpun pada keseluruhannya, perjalanan amalan Doctrine Pengasingan Kuasa-kuasa di negara ini tidak terjejas tetapi perkembangan terakhir menunjukkan bahawa kebebasan penggunaan hak mahkamah yang terlalu luas membuat batas peranan yang disyaratkan oleh Doctrine Pengasingan kuasa-kuasa di ketiga-tiga bahagian itu menjadi terkeliru dalam keadaan-keadaan tertentu.



Tuan Yang di-Pertua, dalam persidangan Dewan ini pada 8hb Disember yang lalu, saya telah mengemukakan satu pertanyaan bagi Jawab Mulut, soalan nombor 32, mengenai tindakan-tindakan yang dibuat oleh pihak Eksekutif bertembung dengan interpretasi yang menyalahkan Kerajaan.

Setengah pihak mungkin memuji kita kerana mempunyai sistem perundangan yang kuat dan bebas, tetapi pujian sahaja tidak dapat menjamin keutuhan negara ini. Perkembangan yang sedemikian boleh menjejaskan kestabilan negara yang sedang membangun. Rakyat akan memikirkan bahawa tindakan dan keputusan-keputusan yang dibuat oleh Kerajaan semuanya tidak betul. Sekiranya perkembangan semalam ini terus berlaku di dalam negara kita, ia bukan sahaja menyukar perjalanan pentadbiran negara tetapi akan membawa satu pentadbiran yang tidak akan dapat berfungsi dengan berkesan. Sebuah pentadbiran yang tidak berfungsi dengan berkesan akan memudaratkan kepentingan dan keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, bagi meyakinkan rakyat untuk mempertahankan kemerdekaan negara ini, ia memerlukan pentadbiran yang boleh membawa pembangunan yang pesat, tidak berkecuali juga ia memerlukan undang-undang yang adil, sistem kehakiman yang berkeperibadian tinggi, berani dan bertanggungjawab serta tidak memihak ke mana-mana.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini suka saya memetik Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Azlan Shah di Majlis Syarahan Tunku Abdul Rahman Yang Ke-11, dalam mana Baginda menjelaskan bahawa dalam peraturan undang-undang Perlembagaan adalah kuasa tertinggi dan sentiasa lebih tinggi daripada kuasa-kuasi yang ada pada Parlimen, para penguatkuasa atau sistem kehakiman.

Istilah undang-undang, jelas Baginda, mempunyai pengertian yang luas. Selain daripada undang-undang yang telah termaktub, salah satu daripadanya ialah undang-undang kes atau undang-undang yang dibuat oleh para Hakim. Keputusan seseorang Hakim dalam kes-kes yang dikendalikan sering menjadi sumber undang-undang. Bagaimanapun, Titah Baginda, kepentingan undang-undang kes ini tidaklah perlu terlalu ditekankan kerana bidang tugas sistem kehakiman adalah untuk mentafsirkan undang-undang dan bukannya merampas fungsi Parlimen dengan mencipta undang-undang. Baginda menyatakan walaupun mahkamah-mahkatnah di negara ini mempunyai kuasa bagi mencabar undang-undang yang telah diluluskan oleh Parlimen, mereka tidaklah boleh berlumba-lumba dengan badan perwakilan ini.

Tuan Yang di-Pertua, apakah ada semacam perlumbaan yang berlaku di antara sistem Pentadbiran dan sistem Kehakiman kita? Kalau benar perlumbaan ini berlaku adalah menjadi kewajipan Dewan yang mulia ini melihat perlumbaan itu tidak berterusan dan Parlimen haruslah mengadakan batas-batas kuasa yang ditentukan oleh pindaan Perlembagaan ini.

Perlembagaan hendaklah memastikan bahawa segala tindakan pihak Eksekutif dan Kehakiman berdasarkan kepada undang-undang negara ini yang praktikal. Pihak Eksekutif dan Kehakiman pula hendaklah memastikan bahawa tindakan dan keputusan mereka diterima dan disokong oleh masyarakat ramai. Undang-undang dan kekuasaan seseorang yang berkesan adalah bergantung kepada penerimaan rakyat terutamanya di negara yang mengamalkan demokrasi seperti negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membahaskan pindaan ini saya tidak dapat lari dari memandang kepada dua perspektif iaitu Pentadbiran yang ingin membangun negara dan Kehakiman yang mahu menegakkan keadilan sosial. Sebagai sebuah negara yang membangun seperti negara kita para Pentadbir memang ghairah melihat pembangunan dapat dilaksanakan dengan pesat tanpa halangan dan gangguan. Mereka memerlukan kuasa-kuasa yang cukup dan jelas untuk membolehkan mereka mentadbir negara dengan licin dan berkesan supaya apa yang dirancang boleh berhasil untuk kepentingan rakyat dan negara.

Kemajuan tidak dapat dicapai. jika pihak Pentadbir tidak mempunyai kuasa-kuasa yang jelas untuk menjamin keselamatan negara terpelihara. Di sini jelas bahawa kepentingan dan keselamatan negara mengatasi hak kepentingan individu. Perlu diingat kuasa yang terlalu banyak kepada pihak Eksekutif boleh mengakibatkan kesudahan yang tidak diinginkan dan akan membawa bencana.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal ini. sesebuah negara memerlukan sistem kehakiman yang boleh melindungi dan mempertahankan keadilan sosial. Bagi inembolehkan sistem perundangan memelihara keadilan, sistem kehakiman haruslah mempunyai kebebasan dan tidak terkongkong dalam membuat pentafsiran kepada undang-undang, Soalnya, apakah kebebasan serupa itu mesti membelakangkan norma-norma budaya dan peradaban negara ini atau dalam erti. kata yang lain tafsiran-tafsiran yang dibuat oleh para Hakim begitu luas sehingga mengambil dan membandingkan secara total kepada norma-norma budaya dan peradaban asing dalam mengambil sesuatu kesimpulan? Apakah budi-bicara manusia itu merupakan satu tempat di. mana letaknya segala keadilan di dunia ini?

Kita tidak boleh menidakkan bahawa dalam sejarah proses membuat keputusan dengan menggunakan budi-bicara manusia masih ada cacat cederanya. Hakim Mahkamah Agung Bangladesh, Muhammad Habibur Rahman memberi pendapat bahawa adalah mudah meminjam sebuah mesin dengan tidak perlu mengetahui bagaimana fikiran orang yang menciptanya daripada meminjam pendapat orang dalam proses membuat keputusan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam masyarakat negara membangun, lebih-lebih negara yang mundur, tingkat fikir masyarakatnya rendah dan agak jahil dibandingkan dengan masyarakat negara maju. Sistem kehakiman kita haruslah mengarnbil kira bahawa dalam menegakkan keadilan dalam masyarakat semacam ini mereka haruslah bersikap memandu dan membantu dengan penuh pengertian dalam proses menegakkan keadilan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai lazimnya perutusan Dewan Rakyat meminta kita meluluskan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) ini dan setelah perbahasan mengenainya selesai, pastilah Rang Undang-undang Perlembagaan ini akau disokong dan diluluskau oleh Dewan yang mulia ini. Tohmahan setengah pihak akan bertambah lagi ke atas Dewan ini yang dianggap bukan sahaja sebagai rubber stamp, tetapi dipenuhi oleh segala macam manusia. Saya fikir kita telah membaca kenyataan di akhbar suatu bahasa mengatakan Dewan ini dipenuhi oleh segala macam manusia iaitu suatu bahasa, pada saya, menghina kewibawaan Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sukaiah saya mengambil kesempatan menyatakan pendapat saya bahawa mengapa Dewan ini harus menyokong Akta (Pindaan) ini. Perkara 68 Perlembagaan telah menggariskan tentang tatacara bagaimana persetujuan terhadap Rang Undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Rakyat. Kalaupun Dewan Negara tidak memperse-tujui dan mengadakan pindaan ke atas Rang Undaug-undang yang dikemukakan itu, mungkin ia juga tidak akan dipersetujui oleh Dewan Rakyat. Jika ini berlaku bererti suatu pertembungan antara kedua Dewan ini juga telah berlaku. Ahli-ahli Dewan ini mempunyai tanggungjawab moral untuk mengelakkan perlumbaan seperti itu atau yang sedemikian demi kepentingan dan perpaduan rakyat negara ini.

Ahli-ahli Dewan ini sedar akan tanggungjawab moralnya kepada rakyat bahawa sebagai sebuah pemerintahan demokrasi rakyat yang memerintah, wakil-wakil mereka telah dipilih dengan bijak dan wajar-lah undang-undang negara kita digubal oleh rakyat, dari rakyat, untuk rakyat. Maka sebab itu, bentuk pemerintahan kita adalah memberi penekanan kepada kuasa-kuasa rakyat untuk memerintah.

Segala keputusan yang diambil oleh dewan ini dalam menyokong sebarang akta ialah tertakluk kepada sistem dan tradisi yang diamalkan selama ini. Walaupun segala macam manusia yang duduk di Dewan ini digantikan dengan satu jenis manusia sahaja, keadaannya tidak akan berubah, kecuali sistem dan tradisi yang baik selama ini hendak dirobah, tetapi apakah manfaatnya bila kedua Dewan Rakyat dan Dewan Negara bertembung? Suasana politik negara ini akan keruh dan memudharatkan perpaduan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, sokongan yang saya ambil ke atas pindaan Perkara 121 adalah kerana mengambil kira sistem dan tradisi Dewan ini di samping memikirkan pertembungan yang merugikan hendaklah sedapat mungkin dielakkan. Pindaan ini akan terus memberi kuasa kehakiman untuk mentakrif mana-mana undang-undang dengan berani tanpa menyebalahi mana-mana pihak. Demikian juga pihak Eksekutif dapat mentadbir negara dengan licin dan berkesan. Harapan kita pindaan ini menjadikan ayam tidak mati dan musang tidak lapar.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan yang pesat dengan sistem undang-undang yang adil dengan sistem kehakiman yang berkeperibadian tinggi adalah elemen-elemen yang penting bagi meyakinkan sesebuah negara dapat mempertahankan kemerdekaannya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memberi peluang kepada rakan-rakan yang lain, saya rasa cukup sekian dulu dan saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Douglas Sullang, dipersilakan.

#### **4.44 ptg.**

**Tuan Douglas Sullang anak Ganda:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di Dewan ini turut mengambil bahagian untuk menyokong dan membahaskan Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan.

Mengambil peluang ini, saya akan memberikan pandangan dengan jujur dan jelas dalam beberapa perkara bersabit dan berkaitan dengan pindaan mengenai pemberian tanah di sesuatu negeri kepada persekutuan khasnya Perkara 85 Fasal 5. Perkara 85 Fasal 5 menyentuh di antara lain, saya petik sebahagian daripada perkara tersebut:

(4) ..... Kerajaan Persekutuan boleh memberikan apa-apa hak menduduki, mengawal atau menguruskan, atau suatu penyewaan atau pajakan, keseluruhan atau mana-mana bahagian tanah itu, kepada mana-mana orang-

- (a) bagi jarang itu menggunakan tanah itu untuk apa-apa tempoh bagi maksud persekutuan yang baginya tanah itu dirizabkan, atau bagi apa-apa maksud yang berdampingan atau bersampingan dengannya; atau
- (b) jika Kerajaan Persekutuan tidak dapat kerana apa-apa jua sebab menggunakan taaah buat sementara itu bagi maksud persekutuan yang baginya tanah itu dirizabkan, bagi orang itu menggunakan tanah itu bagi apa-apa maksud selain daripada maksud persekutuan, untuk apa-apa tempoh dan mengikut apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, tanah adalah perkara yang sensitif mengelirukan, salah faham mudah timbul serta juga mudah dieksploitasikan oleh pihak yang sentisa menangguk di air keruh.

Tuan Yang di-Pertua, kepada rakyat di luar bandar di bumi Kenyalang iaitu di negeri Sarawak, saya percaya bahawa perasaan yang begitu juga dialami oleh rakyat di negeri-negeri lain bahawa tanah adalah harta yang dihargai di mana harapan masa depan mereka bergantung. Maka oleh yang demikian, apa-apa kekeliruan dan salah faham mudah timbul mengenai perkara tanah, mudah juga dieksploitasikan. Sejarah di bumi Kenyalang iaitu Sarawak telah meajadi bukti, sebab itu dalam beberapa pilihanraya raya isu tanah bertambah hangat dan hebat digunakan oleh pihak Pembangkang untuk memancing undi. Seumpama, Pilihanraya 1974 dan baru-baru ini dalam Pilihanraya Negeri Sarawak, 1987 iaitu isu tanah dibangkitkan, misalnya IADP Kalaka-Saribas Development Scheme. Sebenarnya, Kerajaan melalui SELCRA berhasrat mengambil alih hak milik tanah dibawah Native Customary Rights. Hari ini sangat terentak kepada mereka di luar bandar. Tuan punya tanah merasai teragu kerana mereka telah keliru dieksploitasikan oleh pihak - pihak tertentu, akibatnya mereka salah faham apa sebenarnya berlaku, apa sebenarnya tujuan dan hasrat Kerajaan, apakah keuntungan yang ~~mereka~~ akan dapat dari kemajuan seperti itu dan mereka tidak sedar bahawa segala-galanya rancangan Kerajaan adalah demi kepentingan mereka untuk masa depan mereka, untuk bahagian mereka juga.

Akibatnya mereka yang lagi percaya kepada pihak yang tertentu itu menentang Kerajaan Barisan Nasional di Sarawak kerana mempertahankan harta tanah mereka itu; dari segi salah faham dan salah sangka, biarlah tanah mereka itu terbiar sahaja.



Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, saya menyeru pihak berkuasa yang berkenaan untuk menerangkan sejelas-jelasnya objektif, maksud, erti, tujuan dan sebab-sebab perlu pindaan ini dibuat. Penerangan harus dibuat seluas-luasnya di media massa, TV, radio dan akhbar. Dengan secara itu kita berharap bahawa isu ini tidak dapat dieksploitasikan oleh pihak yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, apabila pihak Persekutuan berhasrat hendak menyerahkan hak penggunaan tanah rizab itu, saya juga bercadang bahawa pihak Persekutuan harus meminta pandangan dari Kerajaan-kerajaan Negeri. Dengan cara itu kita dapat mengelakkan 'conflict of activity', dengan izin, dengan rancangan bandar ataupun rancangan umum setempat.

Akhirnya saya menyeru bahawa apabila Kerajaan Persekutuan menyerahkan hak penggunaaau tanah rizab Persekutuan perlu dibuat dan diberi kepada seseorang yang harus dilaksanakaa dengan penuh ikhlas dan suci murni. Pendapat dan pandangan Kerajaan Negeri sentiasa menjadi panduan. Inilah untuk mengelakkan salah faham.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pandangan itu saya menyokong Rang Undang-undang yang tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua: **Yang Berhormat Tuan G. Rajoo.**

**4.51 ptg.**

**Tuan G. Rajoo:** Yang di-Pertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini untuk menyokong Rang Undaag-undang berkenaan Akta Perlembagaan (Pindaan) 1988 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini. Rang Undang-undang ini bertujuan memberi. beberapa fasal dalam Perlembagaan Persekutuan supaya melicinkan pentadbiran dan memudahkan perlaksanaan program-program Kerajaan. Ada beberapa pihak yang tertentu dengan niat yang tidak begitu suci memperkecilkan dan kondem usaha Kerajaan untuk meminda beberapa aspek dalam Perlembagaan sekarang. Mereka mendakwa

kononnya Kerajaan mempunyai niat untuk mencabulkan, dengan izin, independence of the judiciary dan pindaan ini dibuat tergesa-gesa. Dakwaan-dakwaan ini adalah karut semata-mata dan tidak berasas. Mereka yang mendakwa begini adalah dari golongan-golongan yang tertentu yang ingin mencari kesalahan dan kelemahan Kerajaan dengan tujuan memburuk-burukkan nama baik Kerajaan Malaysia yang kita cintai ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedia maklum, Perlembagaan negara adalah sebuah dokumen yang hidup dan perlu berubah mengikut aliran zaman. Dalam sebuah negara yang membangun seperti Malaysia, Perlembagaan terpaksa dipinda mengikut perkembangan dalam sistem Kerajaan agar ianya memberi faedah yang maksima kepada rakyatnya.

Sesebuah Perlembagaan yang statistik dan tidak berubah tidak akan membawa jaminan hidup yang selesa kepada rakyatnya. Oleh yang demikian, semua rakyat yang bertanggungjawab haruslah menyokong pindaan Perlembagaan ini yang dibuat dengan tujuan melicinkan lagi perjalanan jentera Kerajaan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, aspek-aspek yang penting dalam pindaan Perlembagaan ini adalah berkaitan dengan judiciary, tanah dan penghadapan warganegara asing yang ditahan di bawah Undang-undang Imigresen ke hadapan Majistret. Kritik-kritik pindaan Perlembagaan ini berkata Kerajaan merancang mengambil alih peranan judiciary, dengan izin, dengan meminda Perlembagaan ini dan mereka mendakwa kononnya pindaan Perlembagaan ini dibuat secara tergesa-gesa. Perkara-perkara begini tidaklah betul dan kita semua pasti dan yakin Kerajaan tidak berniat langsung untuk mengambil alih atau

campurtangan dalam urusan kehakiman negara ini. Sistem kehakiman negara ini adalah bebas dan perkara ini diketahui umum. Oleh yang demikian, saya berharap kritik-kritik pindaan ini yang ingin melemahkan pentadbiran Kerajaan akan memahami situasi yang sebenarnya sebelum menyuarakan sebarang kritikan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan kita adalah salah sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab dan sebarang pindaan yang dibuat ke atas Perlembagaan, dibuat hanya selepas kajian yang menyeluruh dan teliti. Pindaan-pindaan kepada Perkara 145 dibuat dengan tujuan memberi kuasa kepada Peguam Negara untuk menentukan mahkamah dan tempat di mana sebarang prosiding hendak dimula atau dipindahkan. Ini bukanlah bertujuan untuk menguntungkan hakim mana yang akan mendengar sesuatu prosiding, Oleh yang demikian, rakyat tidak perlu bimbang tentang kebebasan sistem kehakiman negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan berkenaan dengan tanah dibuat dengan tujuan memperkemaskan lagi sistem pentadbiran tanah negara ini. Perkara 83 Perlembagaan dipinda untuk membolehkan sesuatu negeri memberikan tanah kepada Persekutuan mengikut terma-terma dan syarat-syarat yang dipersetujui tanpa suatu kehendak oleh Kerajaan Persekutuan di bawah Perkara 83.

Pindaan-pindaan begini adalah perlu kerana Kerajaan telah menswastakan beberapa perkhidmatan seperti Telekom dan kini dalam proses menswastakan Keretapi Tanah Melayu. Tanah-tanah yang dimiliki oleh KTM, Telekom dan sebarang agensi yang lain jika

diswastakan haruslah diserahkan balik kepada Kerajaan Negeri. Jika pindaan begini tidak dibuat, jika tanah diserahkan balik kepada Kerajaan Negeri, maka proses penswastaan akan mengalami kesulitan dalam menentukan aset mereka dan besar kemungkinan proses penswastaan agensi tersebut tidak akan berjaya. Oleh yang demikian, saya yakin dan pertanyaan pindaan-pindaan ini akan memudahkan proses penswastaan di negara ini dan mempercepatkan lagi usaha Kerajaan untuk menswastakan beberapa agensi lain.

Pindaan-pindaan ini juga memberi peruntukan kepada Kerajaan Persekutuan supaya mewujudkan kawasan bebas niaga, dengan izin, free-trade-zone dan kawasan-kawasan perindustrian dan juga mewujudkan township untuk menarik lebih banyak pelabur ke negara ini. Ini akan menguntungkan Kerajaan dan rakyat. Oleh yang demikian, seperti yang dapat dilihat pindaan-pindaan Perlembagaan dibuat bagi tujuan dan niat yang baik dan bukan seperti yang disuarakan oleh pihak-pihak Pembangkang yang tidak bertanggungjawab. Dengan kata-kata ini, saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang (Pindaan) Perlembagaan Persekutuan 1988. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berharmat Puan Azizah.

**4.58 ptg.**

**Puan Hajjah Azizah binti Mohd. Said:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut menyokong suatu Akta bernama Akta (Pindaan) Perlembagaan 1988.

Tuan Yang di-Pertua, saya memberi sokongan yang sepenuhnya kepada Kerajaan meminda Perlembagaan negara kita untuk menjaga maruah negara Malaysia yang kita cintai ini.

Sejak tahun 1957 lagi Perlembagaan negara Malaysia telah beberapa kali dipinda dan pindaan-pindaan ini bertujuan mengemas-kinikan sebarang kelonggaran supaya Perlembagaan yang menjadi undang-undang tubuh negara kita sentiasa kemas dan sesuai dengan kehendak negara.

Tuan Yang di-Pertua, Perlembagaan yang digubal 30 tahun yang lalu berdasarkan kepada suasana dan kepentingan ketika itu sahaja dan mengikut cita rasa Suruhanjaya Reid dari England. Tentulah sukar diramalkan oleh Suruhanjaya tersebut apakah yang akan berlaku selepas 1957.

Tuan Yang di-Pertua, seperti undang-undang lain juga sama ada dipinda atau diguhal yang haru, Pelembagaan juga dipinda dari masa ke semasa supaya ia tidak menghalang kelicinan pentadbiran dan pembangunan negara. Oleh yang demikian, tindakan Kerajaan kita untuk meminda Perlembagaan kali ini tidak lain daripada bertujuan mengemaskinikan perkara yang boleh mengganggu kelicinan pentadbiran dan pembangnnan negara.

Harus diingat bahawa Suruhanjaya Reid ini ditubuhkan oleh Kerajaan Inggeris dan tidak dianggotai oleh rakyat negara ini. Kelima-lima anggota yang dipengerusikan oleh Lord Reid itu adalah dari England, Australia, India dan Pakistan. Mereka ini bukanlah orang yang bersemangat, berbudaya dan bertamadun tempatan. Oleh kerana anggota-anggota Suruhanjaya tersebut bukanlah orang yang pakar mengenai Perlembagaan, oleh itu tidak hairanlah kita jika ada pihak yang berpendapat Perlembagaan negara tidak benar-benar mencerminkan semangat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang menjadi keutamaan dalam perbincangan Suruhanjaya tersebut ialah soal-soal pelbagai kaum yang bakal menjadi warganegara Malaysia yang merdeka. Dan soal-soal semangat Perlembagaan dan perkara-perkara yang berkaitan dengan kelicinan pentadbiran khususnya pembahagian kuasa antara bidang

Perundangan dan Kehakiman tidak diberi perhatian yang mendalam. Dengan itulah maka kini berlaku beberapa percanggahan tafsiran yang menghalang kelicinan pentadbiran negara.

Apa yang berlaku akhir-akhir ini antara Perundangan dan Kehakiman dengan sendirinya membuktikan hakikat ini. Oleh itu pindaan kepada Perlembagaan negara boleh dianggap yang terpenting kerana ia akan menjelaskan lagi batas dan sempadan kuasa antara ketiga-tiga bidang itu dengan menghapuskan perundangan dan meletak-hak kuasa kehakiman kepada mahkamah dan memusnahkan perkataan "mempunyai bidang kuasa dan kuasa-kuasa." Dan ini bermakna mahkamah mestilah membuat interpretasi mengikut undang-undang yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang menjadi matlamat pindaan ini ialah supaya mahkamah menghormati semangat dan kehendak undang-undang itu digubal. Pindaan ini perlu kerana kebelakangan ini ada hakim yang gemar membuat tafsiran berdasarkan undang-undang tidak bertulis. Dengan berpegang kepada undang-undang tidak bertulis ini atau berkiblat kepada undang-undang Inggeris bermakna undang-undang negara ini menjadi tidak berguna lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kerana dengap, tidak memegang, kepada .undang-undang yang digubal oleh Parlimen maka ada hakim yang berasa perlu mempertikaikan kuasa perundangan meskipun undang-undang berkenaan perkara itu jelas mencatatkan yang kuasa perundangan tidak boleh dipersoalkan lagi. Inilah dimaksudkan campur tangan bidang kehakiman dalam bidang perundangan.



Tuan Yang di-Pertua, mahkamah sebagai badan yang bertanggungjawab memelihara keadilan bukanlah bebas dalam erti kata yang sebenarnya. Kebijaksanaan dan budi bicara seseorang hakim menjatuhkan hukuman mestilah berdasarkan kepada undang-undang yang dibuat oleh badan perundangan. Keadilan akan musnah dan mahkamah akan dipandang rendah jika hakim membuat keputusan mengikut tafsirannya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua tanpa berpegang kepada undang-undang negara ini oleh itu matlamat pindaan dalam Perlembagaan itu bukanlah menyekat kebebasan hakim tetapi untuk memelihara maruah, martabat mahkamah supaya tidak tercemar bak kata Pepatah "Sebab nila setitik rosak susu sebelanga."

Rasa saya, Tuan yang di-Pertua, apa yang telah hendak saya perikatakan telah diperikatakan oleh rakan-rakan saya. Tadi itulah sahaja yang ingin saya sentuh dalam Akta ini, dan sekali lagi saya dengan sesungguhnya dan sebesar hati menyokong Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1988 ini diluluskan. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat **Tuan Chan CboonTak**.

**5.08 ptg.**

**Tuan Chan Choong Tak:** Tuan Yang di-Pertua, pada 31.8.1957 kita yang berada di Malaysia Barat telah memperolehi kemerdekaan dari Britain. Dan dari semenjak itu kita juga mewarisi dari mereka suatu sistem Kerajaan yang adil dan demokratik dan juga berdasarkan Perlembagaan bertulis yang telah diterima oleh semua kaum dalam negara.

Malaya kemudiannya berkembang dengan memasukkan negeri Singapura, negeri Sabah dan Sarawak menjadi Malaysia. Semenjak itu negara kita dikenali sebagai Malaysia walaupun pada kemudiannya Singapura telah berpisah daripada Malaysia.

Sistem Kerajaan kita adalah sistem adil dan saksama iaitu suatu sistem yang dari rakyat kepada rakyat dan untuk rakyat serta suatu yang mesti berfungsi di antara garispanduan Perembagaan bertulis yang telah dikenali sebagai Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

Perlembagaan Persekutuan adalah 'chart' asaa yang melindungi kepentingan semua pihak dalam negara dari kepentingan Sultan-sultan sampai kepada kepentingan rakyat biasa dan juga kepentingan kebajikan umum negara.

Dengan kepentingan negara, Tuan Yang di-Pertua, Perlembagaan Persekutuan mungkin boleh dipinda oleh rakyat jelata dalam negara melalui wakil-wakil yang dipilih dan ahli-ahli Senator yang tertakluk kepada Artikel 159 dan juga 161E dalam Perlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua, perubahan suasana dalam negara ini telah dipaksa banyak pindaan atas Perlembagaan asal kita. Walaupun taklukan Artikel 159 dan juga 161E adalah hak rakyat untuk meminda sebarang Perlembagaan melalui wakil-wakil Parlimen yang dipilih dalam Dewan Rakyat dan melalui ahli-ahli Senator tetapi tiada sesiapa yang ada hak Perlembagaan untuk merosak asas Perlembagaaa itu.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini kita berada di sini untuk berbahas suatu lagi Rang Undang-undang untuk pindaan yang dicadangkan atas Artikel 5, 83, 84, 85, 86, L18A, 121, 142, 145, 158 dan atas Jadual Kesembilan.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini telah diluluskan oleh Dewan Rakyat. Ini bermakna bahawa majoriti daripada rakyat telah menerima pindaan ini dengan kepentingan negara. Walau bagaimanapun, kita sebagai ahli-ahli Senator di sini tidak akan menjalankan tugas kita jika sekiranya kita tidak mengambil peluang ini untuk mengeluarkan fikiran kita di atas perubahan-perubahan yang penting.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya, kecuali pindaan cadangan di atas Artikel 121 dan 145 pindaan yang dicadangkan tidak akan dan jangan sekali mewujudkan sebarang kontroversi. Melainkan hanya berkenaan dengan pindaan atas Artikel 83, 84, 85 dan 86, perhatian patutlah diberikan atas Artikel 161E seksi yang kedua dalam Perlembagaan Persekutuan dan memastikan prosidur yang

berkaitan akan dipatuhi. Apakah Artikel 161E (2) itu? Di sini, dengan izin, saya bacakan di dalam bahasa Inggeris daripada Perlembagaan Persekutuan Artikel 161E (2):-

"No amendment shall be made to the Constitution without the concurrence of the Yang di Pertua Negeri of the State of Sabah or Sarawak or each of the States; of Sabah and Sarawak concerned, if the amendment is such as to affect the operation of the Constitution as regards any of the following matters:"

Itu bermakna sesuatu pindaan yang berkenaan sebagai yang di bawah ini mestilah mendapat 'concurrence' atau persetujuan daripada Yang di-Pertua Negeri Sabah dan Sarawak dan ada yang lain-lain berkenaan dengan the constitution and jurisdiction of the High Court in Borneo 5rd the appointment, removal and suspension of judges of that court.

Also, dengan izin,

"(c) the matters with respect to which the Legislature of the State may (or Parliament may not) make laws and the executive authority of the State in those matters and (so far as related thereto) the (financial arrangements between the Federation and the State;"

Maka diharap perhatian dijalankan dan apa yang patut dibuat akan dibuat sebelum pindaan ini diumumkan dan selepas itu diterima.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dicadangkan atas Artikel 121 dan 145 telah menimbulkan banyak komen dalam suratkhbar dan perhimpunan orang ramai. Ramai orang telah memberi komen bahawa

pindaan yang dicandangkan adalah hasil dari perselisihan yang berterusan antara Eksekutif termasuk the Attorney General dan pihak Hakiman atau the Judiciary.

Tuan Yang di-Pertua, komen-komea yang dibuat oleh Eksekutif dalam Parlimen, tindakbalas atas komen-komen yang dibuat oleh Hakim-hakim dalam mahkamah telah memperkuat kepercayaan orang ramai terwujudnya perselisihan sebegini telah juga dirasakan yang perselisihan ini wujud adalah akibat kesalahfahaman.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai rakyat yang taatsetia, kita semua telah pasti ingin melihat yang kesalahfahaman ini dapat dihapuskan seberapa segera yang boleh untuk memastikan yang fungsi Eksekutif, fungsi pihak undangan atau the Legislature dan juga fungsi Judiciary atau para Hakiman dapat diteruskan untuk melengkapi suatu sama lain secara licin, dengan izin, to continue to complement each other in the various functions.

Tuan Yang di-Pertua, asas Perlembagaan kita menjamin kita berfungsi di atas prinsip pembahagian kuasa di kalangan Eksekutif, pihak Perundangan iaitu Parlimen dan juga Judiciary atau para Hakiman.

Tuan Yang di-Pertua, Artikel 39 Perlembagaan Persekutuan Malaysia dengan jelas memberi hak kepada kuasa Eksekutif untuk menjalankan tugas. Artikel 44 memberi hak membuat undang-undang kepada pihak Perundangan atau Parlimen dan Artikel 121 sebelum dipinda seperti yang dicadangkan sekarang telah memberikan kuasa judicial kepada Judiciary atau pihak Hakim.

Pada pendapat saya pembahagian kuasa ini adalah asas garis Perlembagaan Persekutuan.

Di bawah pindaan yang dicadangkan Kuasa Judicial tidak lagi dengan terangnya diberikan dalam Perlembagaan kepada Judiciary seperti yang telah diberikan dalam Perlembagaan yang asal. Dengan pindaan ini, perkataan-perkataan kuasa Judicial itu telah dihapuskan di bawah Perkara 121. Apakah maknanya Kuasa Judicial. Tuan Yang di-Pertua, mengikut edition yang ke 5 buku "The Black's Law Dictionary with pronuncition", ini nama buku itu, the dictionary with pronuncition, saya bacakan dalam bahasa Inggeris, dengan izin:

"Judicial Power: the authority exercised by that department of government which is charged with declaration of what law is and its construction; the authority vested in courts and judges as distinguished from the executive and legislative power. Courts have general powers to decide and pronounce a judgement and carry it into effect between two persons and parties who bring a case before it for decision, and also such specific powers as contempt powers, power to control admission and disbarment of attorneys, power to adopt rules of court', etc.; a power involving exercise of judgement and discretion in determination of question of right in specific 'cases affecting interests of person or

property as distinguished from ministerial power involving no discretion. Inherent authority not only to decide but to make binding orders or judgement.

Ini adalah definisi dalam buku undang iaitu fifth edition of Black's Law Dictionary. Mengikut Tuan Hakim dalam kes P.P. vs. Datuk Yap Peng, Tan Sri Dato' Eusoffe Abdookader, saya bacakan ini dari apa yang disiarkan dalam akhbar The New Strait Times, dengan izin, Mr. Justice Tan Sri Dato' Eusoffe Abdookader in Public Presecutor vs. Datuk Yap Peng, where he said:

"Judicial power may be broadly defined as the power to examine questions submitted for the determination with a view to the pronouncement of an authoritative decision as to the rights and liabilities of one or more parties. Tun Suffian in his book 'An Introduction to the Constitution of Malaysia' referred to judiciary power as the power to hear and determine disputes and to try offences and punish offenders."

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah definisi dalam bahasa Inggeris di atas Judicial Power, iaitu kuasa untuk, dengan izin, interpreting laws, untuk mengambil keputusan sama ada sesuatu perselisihan itu dapat atau tidak dapat diselesaikan. Yang pentingnya mesti ada apa yang dikatakan natural Justice, maka pindaan yang dicadangkan ini apakah kesannya kalau kedua-dua perkataan "Judicial Power" atau "Kuasa Judicial" telah dihapuskan.

Pasal yang asal sebelum pindaan, kalau kita tidak pinda iaitu Fasal 121,, membolehkan mahkamah untuk mengisytiharkan pembatalan sebarang undang-undang yang dibuat oleh Parlimen, yang akan mempengaruhi hak mereka untuk menjalankan kuasa judicial ini, dan pada hakikatnya dalam Seksyen 418(a) dalam 'Criminal Procedure Code' telah diisytiharkan 'void' atau tidak sah dalam kes yang telah saya bacakan. P.P. ~~against~~ Datuk Yap Peng, maka ini bermakna dalam Perlembagaan kuasa ini telah diberikan kepada mahkamah. Jika sekiranya Parlimen membuat suatu undang-undang yang memberikan kuasa ini kepada pihak yang lain, maka Mahkamah berkuasa mengisytiharkan bahawa undang-undang ini tidak sah sebelum pindaan itu dibuat.

Selepas pindaan ini apakah maknanya? Selepas pindaan ini parlimen sekarang mungkin kalau pindaan ini telah diterima, Parlimen mungkin boleh meluluskan undang-undang yang memberikan kuasa judicial kepada sebarang parti selain daripada para Hakim. Maka ini tidak bermakna dengan pindaan ini para Hakim tidak ada kuasa lagi, dia ada kuasa, tetapi bukan pihaknya sahaja yang mempunyai kuasa ini. Daripada sekarang kita boleh buat undang-undang tidak meraberi-kan.kuasa ini kepada para Hakim, tetapi. memberikan kuasa ini kepada Attorney-General, kepada Menteri-menteri barangkali kepada pihak yang lain Itu hakikatnya. Sama ada ini akan berlaku kita tidak tahu tetapi. ini tidak bermakna bahawa dengan pindaan ini para Hakim tidak ada kuasa lagi - ada masih ada. Tetapi kuasanya telah dipisah atau telah dibahagikan.



Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dalam pindaan kepada Fasal 145, di bawah Perlembagaan membenarkan undang-undang diluluskan untuk memberikan kuasa kepada Peguam Negara untuk menentukan Mahkamah di mana sesuatu kes akan dimulakan atau dipindahkan, maka pada hari ini dalam Bil ini pindaan kepada Perkara 145 kita telah memberikan kuasa kepada Parlimen dalam Perlembagaan untuk meluluskan undang-undang yang memberikan kuasa kepada Attorney General.

Maka ini adalah satu pengasingan dari. dahulu di mana kuasa sebegini sentiasa diberikan kepada mahkamah.

Kebimbangan di kalangan orang ramai yang mengetahui undang-undang adalah sekiranya kuasa judicial diberikan oleh undang-undang Persekutuan kepada seorang ahli Eksekutif atau Peguam Negara, ia mungkin tidak dapat melaksanakan kuasa itu tanpa prejudice kerana selain daripada para Hakim Menteri. atau pihak peguam bukan pihak yang independent atau bebas. Para Hakim adalah pihak yang bebas, independent, ada dibuat di bawah Perlembagaan kita. Maka ini bukan dikatakan tidak baik, tetapi orang bimbang kalau kuasa ini diberikan kepada seorang Menteri, misalnya setelah undang-undang diluluskan di Dewan ini, ia akan 'oust' yang mengeluarkan jurisdiction kuasa mahkamah, dan kuasa ini. semua diberi kepada seorang Menteri sahaja. Ketika Menteri itu ialah orang yang menjalankan kuasa dan dia juga memutuskan kemudian, Misalnya kalau ada sesuatu yang telah dibuat oleh Menteri itu kepada orang yang lain dan kalau orang yang lain itu tidak puas hati, dia merayu juga kepada Menteri. Orang yang sama akan memutuskan sama ada ini patut. Maka itu adalah satu sumbangan orang ramai.

Untuk menghapuskan kebimbangan orang ramai, adalah mustahak bahawa undang-undang yang akan dituluskan oleh Parlimen pada masa hadapan tidak akan, dengan izin, oust the jurisdiction of the court, tidak akan menghalangi mahkamah untuk mendengar sesuatu, kalau pihak itu berasa tidak puas hati. Maka demi kepentingan ekonomi dan politik negara, kita mestilah sentiasa menunjukkan bahawa negara kita adalah sebuah negara yang ditadbirkan di bawah apa yang dikatakan 'the rule of law', mengikut undang-undang, Maka inilah sebagai satu caution atau sebagai satu rayuan saya, iaitu adalah baik jika pada masa akan datang judicial power diberikan kepada mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada komen-komen yang diberikan, saya pun berasa bahawa ada juga salah faham orang ramai di atas keputusan-keputusan yang telah dibuat oleh para Hakim. Pada amnya, para Hakim tidak membuat keputusan yang tidak berasaskan kepada sesuatu undang-undang yang telah diluluskan.

Misalnya, berkenaan dengan Aktia Pertubuhan, di mana Parti UMNO telah dikatakan sebagai sebuah parti yang tidak sah, itu bukan keputusan Hakim sendiri, kerana itu adalah berasaskan kepada apa peruntukan yang terdapat dengan terangnya di dalam Akta Pertubuhan 1966. Jika sekiranya Tuan Hakim mengatakan bahawa kes ini tidak mengikut natural justice atau kesaksamaan yang semula jadi, apa yang bermaknanya ialah kes ini telah diputuskan dengan tidak memberi peluang kepada pihak lain itu untuk memberikan penjelasan. Misalnya kalau kita sudah tengok bahawa seorang telah dibunuh dan ada seorang lain yang berdiri di sana, kalau kita tidak mahu memberi natural justice, terus kita kata orang lain yang hidup itu telah membunuh orang yang mati. Tetapi kalau kita amalkan natural justice dan tanya sama ada dia ada buat pembunuhan itu, barangkali dia dapat memberi penjelasan dan akibatnya dia bukanlah orang yang membunuh orang yang mati itu dan barangkali orang yang mati itu mati dengan sendirinya, maka ini maknanya natural justice.

Sekali lagi, sebagai rakyat kita berharap kalau perselisihan masih ada di antara Eksekutif dan para Hakim, pihak-pihak yang berkenaan dapat menghapuskan perselisihan ini kerana ketiga-tiga kalangan ini, the Executive, the Legislature and the Judiciary adalah kalangan pentadbiran Kerajaan kita. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: **Yang Berhormat Tuan Tiong Hiew King.**

**5.36 ptg.**

**Tuan Tiong Hiew King:** Tuan Yang di-Pertua saya ingin mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk turut serta dalam membahaskan Rang Undang-undang beraama suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin menyentuh sedikit tentang pindaan kepada Perkara di dalam Perlembagaan Persekutuan ini dengan memasukkan proviso-proviso tambahan. Ini adalah perlu khususnya untuk menguruskan kes-kes orang yang memasuki negara kita secara haram. Memang sukar hendak membawa mereka ke hadapan majistret dalam tempoh 24 jam kerana sepertimana yang kita tahu kerap kali mereka datang beramai-ramai dengan tiba-tiba. Tempoh yang diperolehi untuk memproses kes mereka tentulah agak lama. Maka memandangkan kemasukan orang-orang asing secara haram berlaku seringkali, Perkara 5 perlu ubahsuaikan dengan memasukkan proviso tambahan seperti yang dinyatakan dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, keduanya, saya hendak juga mengutarakan pendapat saya mengenai pindaan dengan pemotongan atau penggantian kepada Perkara-perkara 83, 84 dan 85 dalam Perlembagaan Persekutuan seperti yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini. Niat Kerajaan Persekutuan dalam meminda Perkara-perkara ini adalah baik. Ia bertujuan untuk membolehkan Kerajaan melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan ekonomi negara secara keseluruhan termasuk dasar penswastan yang sedang dilaksanakan itu. Tanah-tanah yang dikehendaki, diminta dipegang untuk maksud Persekutuan menurut

proviso-proviso itu. Dengan demikian ia akan terus diuruskan oleh Kerajaan Persekutuan atau pihak yang berkuasa untuk maksud Persekutuan. Dengan itu, ianya juga boleh menolong menggalakkan kemajuan dan pembangunan ekonomi negeri di mana tanah-tanah yang dimaksudkan itu terletak.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun begini., saya juga ingin menunjukkan suatu kesilapan yang Kerajaan kita mungkin telah melakukan dalam meminda Perkara-perkara mengenai hak-hak tanah Negeri, Menurut Senarai-senarai Negeri, Jadual Kesembilan dalam Perlembagaan Persekutuan, hak pengurusan tanah adalah terletak kepada Kerajaan Negeri.

Saya tidak tahu adakah Kerajaan Persekutuan berunding dan mendapat persetujuan dari Kerajaan Negeri khususnya negeri Sarawak sebelum membentangkan cadangan pindaan perkara-perkara mengenai tanah itu. Takut-takut ada kesilapan ini yang boleh mempelawa kritik dari politikus Pembangkang atau orang-orang yang mempunyai maksud tertentu kerana ianya akan memberi bahan-bahan dakyah kepada mereka untuk membesar-besarkan perkara ini sehingga menimbulkan rasa kebiagungan dan ketidakpuasan di kalangan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah ucapan saya. Saya ingin mengucapkan sokongan di atas Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1988. Terima kasih.

Timbalan Tang di-Pertua : Yang Berhormat **Tuan Ainon binti Ariffin**, dipersilakan.

**5.43ptg.**

**Puan Ainon binti Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana saya dibenar mengambil bahagian untuk menyokong suatu Akta untuk memiada Perlembagaan Persekutuan iaitu satu perkara yang mempunyai sejarah, satu perkara yang memerlukan rasa tanggungjawab, penelitian dan satu perkara yang akan menimbulkan berbagai kritikan atau sebaliknya kalau kurang diteliti atau dipastikan.

Kita telah mendengar tadi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang kita hormati membentang dan memberi huraian kepada pindaan Perlembagaan ini di mana di antara lain kesimpulannya selama 30 tahun kita telah meminda 20 kali Perlembagaan Negara ini

dan kesemuanya ialah untuk kestabilan, keadilan, kesejahteraan dan mengawal ketenteraman serta hak-hak rakyat.

Nyatalah pindaan ini adalah diutarakan dengan tujuan untuk mengekalkan keadilan dan naungan kepada rakyat dan sebagai sebuah negara yang demokrasi Dewan Rakyat dan Dewan Negara bertaungjawab penuh untuk meaeliti dan untuk memperbahaskan perkara ini sehalus-halusnya supaya tidak berlaku sesuatu yang silap sebelum ianya diluluskan supaya tidak terdorong. Oleh sesuatu perasaan atau sesuatu kepentingan sebelum ianya diluluskan. Kita telah dengar di mana Perlembagaan ini telah dibahaskan dengan hebatnya di Dewan Rakyat sebelum ianya dibawa ke Dewan yang mulia ini, berbagai-bagai isu, berbagai-bagai hujah dan berbagai-bagai perkara yang kontroversi malahan ada perkara-perkara yang sudah melampaui daripada kontroversi membawa kepada perkara-perkara yang agak ekstrim dari pindaan Perlembagaan ini.

Parti-parti Pembangkang telah menggunakannya sebagai satu senjata menghentam dan menuduh Kerajaan kita atas pindaan ini seolah-olah mabuk kuasa, monopoli dan ingin mengikut kata hati Kerajaan sahaja tanpa memikirkan kepentingan rakyat jelata yang mereka wakili iaitu parti Pembangkang, maksud saya Pembangkang mendakwa mereka mewakili rakyat, sedangkan kerusinya hanya sekumin atau kecil di Dewan Rakyat semasa Perlembagaan ini diperbahaskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat setuju dengan apa yang dikatakan oleh Timbalan Perdana Menteri sebentar tadi bahawa Perlembagaan ini sebelum dipinda telah diteliti oleh bijak-bijak pandai yang ada di dalam badan Perundangan negara kita, bukan oleh Menteri-menteri sahaja atau mereka-mereka yang duduk dekat-dekat Menteri sahaja

tetapi telah diteliti, telah dikaji yang diinspirasi dari kejadian-kejadian dan juga kepada perkembangan-perkembangan yang berlaku di dalam tadbiran mahkamah ataupun mengenai keadilan. Kehakiman di negara kita yang telah dirujuk kepada beberapa kes-kes yang didapati tidak memuaskan perasaan rakyat dari segi keadilan keputusan mahkamah atau hakim-hakim itu sendiri.

Dalam hubungan ini saya ingin menyentuh mengenai Fasal (4) Perkara 5 iaitu mengenai Fasal 2 Rang Undang-undang ini yang bertujuan menambahkan dua proviso ini mengenai hukuman untuk memberikan masa kepada mendakwa mereka yang membuat kesalahan dari segi undang-undang imigresen tanahair kita.

Saya rasa perkara ini sangat adil dan sangat sesuai diperbetulkan atau dipinda kerana selama ini kita mendapat satu gangguan atau satu masalah apabila kita hendak mengambil tindakan kepada mereka yang memasuki negara kita secara haram sama ada ianya melalui pendatang haram atau melalui pelancongan atau melalui penyeludupan-penyeludupan atau melalui samaran-samaran kerana bekerja atau menjadi pakar-pakar rujuk kepada swasta atau dijemput khas oleh sesuatu secara dengan minta kebenaran mereka masuk ke sini sebagai penasihat atau lain-lain tetapi selepas itu mereka telah tidak mematuhi undang-undang imigresen kita. Dengan memberikan masa-masa yang disebutkan di sini selama 14 hari, saya rasa kedua-dua pihak mendapat nikmatnya, yang kena saman atau yang kena dakwa juga dapat masa untuk mencari jalan membela diri dan Kerajaan kita juga dapat meneliti dengan seadil-adilnya kepada kes-kes yang berkaitan dengan hal-hal imigresen ini.



Ini saya rasa juga lagi satu keadilan kalau digantikan 24 jam dengan 14 hari. Sebagai negara yang adil saya rasa pindaan kepada Fasal (4) Perkara 5 membawa kepada kebaikan kepada kedua-dua pihak di samping kita hendak menentukan bahawa undang-undang yang kita wujudkan di negara kita memberikan faedah kepada negara bukan sebaliknya atau merugikan kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai di bawah Perkara 83, yang telah banyak disentuh oleh kawan-kawan saya tadi, iaitu mengenai pengambilan tanah daripada Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Pusat, di mana Fasal 3 Rang Undang-undang ini bertujuan menambahkan satu Fasal baru (8) kepada Perkara 83 yang memperuntukkan dengan nyata bahawa sesuatu Negeri boleh memberi tanah kepada Persekutuan mengikut terma-terma dan syarat-syarat yang dipersetujui tanpa sesuatu kehendak oleh Kerajaan Persekutuan di bawah Perkara 83. Ini satu pindaan yang boleh membawa kepada penyelarasan untuk kepentingan, kemajuan, pembangunan negara di peringkat negeri dan peringkat persekutuan kerana kita dapati ada masalah-masalah berlaku dalam Kerajaan kita hendak memajukan mengenai tanah-tanah yang terbiar itu atau hendak mengadakan projek-projek penswastan yang terpaksa dibuat di negeri-negeri, maka terdapat beberapa gangguan ataupun beberapa masalah yang timbul dari rasa kurang persefahaman atau kurang meneliti dari segi kepentingan umum. Beberapa percanggahan dan peristiwa besar pernah berlaku di mana Wilayah Persekutuan hendak diserahkan oleh Selangor menjadi Wilayah Persekutuan hingga sampai ke hari ini kadang kala berbangkit juga isu-isu mengenai pembayaran pulangan dan lain-lainnya. Sedangkan Wilayah Persekutuan diwujudkan sebagai lambang kepada kemajuan dan pembangunan negara kita, ini sebagai satu contoh.

Tuan Yang di-Pertua', saya juga ingin menyentuh perkara yang menjadi isu sensitif atau isu besar dalam pindaan Perlembagaan ini iaitu mengenai Perkara 121. Saya tertarik hati dengan penjelasan yang begitu rasional yang telah dibuat oleh sahabat saya Senator Chan Choong Tak sebentar tadi. Beliau telah merujuk dengan beberapa perundangan dan juga beberapa rujukan-rujukan yang berlatarkan mengenai perundangan negara. Sesungguhnya kita rasa apa yang dibawakan itu memang ada logiknya.

Tetapi pindaan ini dibuat seperti yang saya katakan tadi setelah meneliti bahawa badau kehakiman telah menggunakan sewenang-wenangnya undang-undang natural justice, dengan izin, untuk menjatuhkan hukuman, membuat keputusan yang berdasarkan atau bertopengkan natural justice ini tetapi. ada unsur-unsur emosi (emotional) ataupun unsur-unsur perasaan,

Kita sangat faham perundangan negara kita ini telah diletakkan begitu baik, begitu konkrit dan begitu adil, Apa yang menggelisahkan rakyat ialah penyalahgunaan kepada keadilan undang-undang itu sendiri iaitu berdasarkan kepada beberapa kejadian-kejadian bukan kejadian UMNO ini sahaja, bukan mengenai peristiwa UMNO tidak sah sahaja, tetapi ada beberapa perkara-perkara lain yang membabitkan rakyat marhen, rakyat jelata atau mereka yang berkedudukan sebagai pemimpin yang memberikan khidmat bakti kepada negara. Ini kalau kita bawa kepada perkara UMNO mungkin agak sempit Perlembagaan ini dipinda tetapi sudah 30 tahun diteliti, saya tidak ingat kejadian itu, sebenarnya saya ada catatkan beberapa kejadian yang menggunakan undang-undang natural justice atau rujukan kepada undang-undang luaran yang tidak berdasarkan kepada keperibadian, peradaban budaya negara kita sendiri telah berlaku. Itulah sebabnya kita memikirkan sudah keterlaluan, baru kita rasa perlu rakyat dinaungi.

Kerajaan kita ini baik sangat, selalu kita buat kerja apabila terantuk, baru tengadah. Sebenarnya undang-undang ini patut dipinda dari dulu lagi dengan kes-kes BMF dan banyak kes-kes lagi yang berlaku sebelum ini. Jadi, pindaan ini hanya mereka yang mempunyai tujuan-tujuan tertentu yang berdasarkan kepada kepentingan diri,

golongan, kumpulan sahaja yang menentang, rakyat jelata tidak menentang. Saya sendiri menyokong penuh, nampak kepada keadilan yang akan dihasilkan oleh pindaan Perlembagaan ini.

Saya ingin memetik apa kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang didikasi dan patut sangat diberi penghormatan tinggi.

"Apa yang kita kata dalam pindaan undang-undang ini ialah hakim di dalam menjalankan tugasnya mestilah menggunakan undang-undang Federal".

Itu sahaja katanya, sebab hakim pun rakyat, dia mesti patut kepada undang-undang. Dia dengan kearifannya dilantik menjadi hakim tetapi tak bolehlah buat tepuk dada, tanya selera, suka hati, goyang kaki - itu tak boleh, Tuan Yang di-Pertua. Mereka juga kena patuh kepada undang-undang. Jadi, pindaan ini meminta hakim-hakim atau badan kehakiman berpegang kepada undang-undang negara yang diputuskan oleh rakyat melalui dua-dua Dewan yang mulia ini, Dewan Rakyat dan Dewan Negara, bukan ikut kata hati sendiri, lalu bertopeng kepada natural justice atau merujukkannya kepada kes-kes undang-undang yang berkiblat ke barat dan yang banyak prejudis-nya.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa pindaan Perlembagaan ini akan melegakan banyak pihak dan akaa menimbulkan satu kestabilan keadilan undang-undang dalam negara kita ini dan untungnya kepada para hakim, rakyat akan hormat kepada mahkamah yang mempunyai hakim-hakim yang taat dan tahu menggunakan undang-undang itu mengikut inspirasi rakyat dan patuh kepada undang-undang yang telah dimaktubkan dan diputuskan oleh kedua-dua Dewan Parlimen di negara kita ini. Hakim-hakim yang demikian akan mendapat sanjungan rakyat, akan mendapat penghormatan dari rakyat dan layak ianya digelar Tuan Hakim.

Saya juga ingin menyentuh mengenai Perkara 4 iaitu mengenai Fasal (2A) Perkara 142 (Huraian):

"Fasal (2A) Perkara 142 menjadikan tidak layak bagi pengerusi sesuatu Suruhanjaya Perkhidmatan memegang jawatan oleh kerana terlibat dengan cara-cara tertentu dalam apa-apa organisasi atau badan dalam apa-apa pengusahaan komersial atau perindustrian. Fasal 9 Rang Undang-undang ini bertujuan memasukkan timbalan pengerusi sesuatu Suruhanjaya Perkhidmatan ke dalam liputan Fasal itu.

Baiklah ada Timbalan, manalah tahu Tuan Pengerusi terpeleot, adalah bantuan timbalannya.

Saya sangat bersetuju bahawa yang menjadi pengerusi kepada perkhidmatan awam ini adalah satu jawatan yang paling tinggi himpunannya, paling tinggi tanggungjawabnya dan paling mencabar pelaksanaannya. Kalau mereka juga mempunyai kepentingan, jadi pengarah di sebuah syarikat ini atau mempunyai kepentingan yakni ada 10% atau 20% di dalam apa-apa perusahaan lain, industri dan sebagainya, mereka tidak akan dapat melakukan kerja-kerja yang adil. Pasti ada, maaf, dengan izin, bias atau ada rasa kesendiriannya.

Jadi, ini lagi satu yang pindaan hendak mewujudkan keadilan yang sejati. Biasanya, yang menjadi Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Suruhanjaya Pilihanraya dan lain-lain, semua mereka yang telah diteliti dari segi kearifannya, dari segi kepakarannya dan dari segi perekonomiannya, ertinya kukuh. Tak ada satu pengerusi pun yang hanya berpendapatan rendah, kebanyakannya sudah stabil ekonominya. Jadi, tak perlu mereka memegang apa-apa jawatan yang lain,

eloklah dia memberikan konsentrasi, tumpuan perhatian kepada jawatannya itu sahaja demi untuk negara dan himah negara atau imej negara. Jangan Lagi berlaku cerita ada pengerusi perkhidmatan itu dan perkhidmatan ini yang mempunyai cerita, under the table ada juga, Tuan Pengerusi - bahasa baku, bawah meja ada cerita, kalau tidak pindaan ini dilakukan, kerana mereka juga manusia biasa.

Tuan Yang di-Pertua, terakhir saya menyentuh sedikit mengenai Fasal 10 (Huraian);

rasai undang-undang ini bertujuan menambah kepada Perkara 145 satu Fasal baru (3A) yang akan membolehkan undang-undang persekutuan memberikan kepada Peguam Negara kuasa untuk menentukan mahkamah-mahkamah dan lain-lainnya....."

Maka saya kembalikanlah kepada hujah saya tadi bahawa Kuasa-kuasa itu tidak juga tertentu kepada menteri, tetapi peguam negara, bila kata peguam negara, mestilah ia seorang yang arif, pakar dalam hal-hal perundangan.

Sedikit saya menyentuh, mengenai kuasa-kuasa Mahkamah Syariah. syukur kerana dalam pindaan ini Mahkamah Syariah akan dianggap setaraf dan akan dapat melaksanakan fungsi mahkamahannya seperti juga mahkamah-mahkamah lain. Kalau tidak, Tuan Yang di-Pertua, biasanya Mahkamah Syariah ini tidak begitu mantap fungsinya dan selalu sahaja menyebabkan pelaksanaan hukuman tidak dapat dijalankan dengan baik kerana ada ketikanya kena rujuk dahulu kepada Mahkamah Persekutuan,

barulah kes-kes itu dapat berjalan dengan baik. Kalau tidak, ianya tidak berkesan, hukuman dijatuhkan tetapi tak berjalan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu sekali lagi saya menyokong suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan yang dibentangkan di Dewan yang mulia pada petang ini.

Timbalan Yang di-Pertua : Dipersilakan Yang Berhormat **Tuan Haji Abdul Hamid Araby**

**5.59ptg.**

**Tuan Haji Hamid Araby bin Haji Md. Salih:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil bahagian untuk menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, sudah ramai Ahli Yang Berhormat yang telah membawa beberapa hujah bersabit dengan pindaan ini. Saya juga ingin membawa beberapa perkara yang mana tidak disentuh, mungkin tidak secara mendalam seperti dalam satu-satu perkara. Contohnya Perkara 83 hal pengurusan tanah yang mana kita difahamkaa adalah diletakkan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dalam Perlembagaan yang lama.

Tuan Yang di-Pertua, setengah-setengah negeri di mana tidak ada sultan, negeri-negeri yang berasal seperti Negeri-negeri Selat iaitu contohnya Pulau Pinang, Melaka dan Singapura . Singapura sudah tidak ada lagi dalam Malaysia. Jadi 10-20 tahun dahulu telah kami buat bermacam-macam usul dan juga cadangan supaya ada pindaan dibuat, tidak lagi kita pegang kepada hal pengurusan tanah untuk diletakkan kepada Kerajaan Negeri, kerana kami sedar tidaklah akan ada ujudnya tanah untuk sesuatu projek, untuk sesuatu usaha yang akan dibuat dan dirancang oleh Kerajaaa Pusat. Ini yang kami bimbangkan maka nyatalah, teranglah sekarang sudah menjadi kenyataan, kita sudah sedar Kerajaan Pusat, Kerajaan kita sedar, maka perlulah pindaannya dibuat.

Kalau hari ini kita lihat di Pulau Pinang, manakah lagi ada tanah? Kebanyakan tanah-tanah Kerajaan pun diambil oleh orang-orang saudagar, taukeh-taukeh yang kaya, jutawan-jutawan dan ada juga daripada luar - orang luar datang, beristerikan orang tempatan, kemudian dapat juga tanah dan sebagainya. Di manakah letaknya tanah, the 30 called Malay Settlement, dengan izin. Captain Francis Light, -dia memikirkan sedikit untuk orang-orang Melayu khususnya, chauffeur atau driver dia, tukang kebunnya, dia wujudkan satu kawasan yang dinamakan Malay Settlement Area di Kampung Melayu, jalan hendak pergi ke Air Hitam. Itulah sebidang tanah yang diwujudkannya. Ketika itu orang Melayu tidak ramai, mungkin, dia anggap, dia pandang, dia perlu membayar atau memberi jasa kepada orang-orang Melayu dahulu. Itulah yang dikatakan the so called Malay Settlement. Tetapi the Malay Settlement Arca yang kita maksudkan sekarang itu bukannya 100% orang Melayu mendiaminya. Projek-projek dibuat, rumah pangsa didirikan, malahan bukan Melayu juga diberi peluang atas dasar muhibbah.

Begitu juga Malay Reserve. Kita tidak ada Malay Reserve di Pulau Pinang. Di mana ada tanah yang kita hendak tunjukkan, hendak buat atau hendak khususkan untuk orang-orang bumiputera? Tidak ada. Begitu juga hari ini kita hendak cari tanah-tanah strategik untuk kita hendak membuat sata-satu projek di mana yang boleh memberi faedah kepada rakyat jelata pun tidak ada. Inilah yang saya berasa sedih mahupun saya menyokong sepenuhnya, tetapi selepas 31 tahun kita merdeka, kita pinda Perlembagaan, dengan ini kita akan dapatlah tanah-tanah, Kerajaan Negeri masing-masing akan membekalkan tanah, jika ada. Ini yang jadi satu masalah. Mungkin boleh



kita dapat tetapi tanah jenis macam mana yang ketara hendak dapat? Adakah kita hendak guna sistem acquire tanah itu, diambil secara paksa? Ini akan juga membawa satu gejala yang kurang baik khususnya rakyat akan memikir bahawa Kerajaan ini zalim. Hal ini juga saya rasa patut diberi sokongan yang sepenuhnya.

Seperti mana yang disebut oleh beberapa Ahli Yang Berhormat rakan-rakan saya tadi di Dewan yang mulia ini, taraf Mahkamah Syariah dinaikkan dengan adanya pindaan di sini. Pada dahulu kita lihat Mahkamah Syariah ini, adalah satu tempat di mana kononnya orang Islam tidak berkemampuan iaitu mewujudkan satu mahkamah, (court) yang boleh dihormati oleh orang-orang Islam dan kadang kalanya di-ejek, ada kalanya dijadikan bahan ketawa oleh orang-orang Islam sendiri, sebab orang yang tidak berjaya di Mahkamah Syariah, dia dapat bawa satu-satu kes di civil court, dia ambil tindakan yang demikian, dia dapat ubah keputusan yang dibuat di Mahkamah Syariah. Satu penghinaan yang besar kepada agama Islam, agama rasmi negara kita. Alhamdulillah, pemimpin kita hari ini sudah sedar bahawa tarafnya perlu dinaikkan dan disamakan seperti Magistrate Court dan sebagainya. Syukur, pindaan ini dibuat, patut disanjung tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, jika sesuatu pindaan yang dibuat, ini juga dikaji dengan cara meneliti oleh pihak-pihak yang membuat pindaan itu, itu tidak dapat kita nafi dan kita memahami 'pros and cons' itu ada. Mungkin ada baik dan ada buruknya. Tetapi selagi kita tidak pinda apa yang perlu dipinda, selagi itulah kita berada di takuk lama.

Ada juga dlbangkitkan perkara iaitu tentang kehakiman itu mungkin kita hendak pinda yang bermakna kita hendak memberi kuasa sepenuh kepada Peguam Negara (Attorney General), kuasa yang mana

ramai. orang berasa bimbang, lebih-lebih lagi beberapa orang Yang Berhormat telah melafazkan seolah-olah kuasa Hakim itu dirampas begitu sahaja. Tetapi bagi diri saya, saya tidaklah fikir begitu. Sudah sampai masa dan tempatnya di mana kita ada satu seksyen, satu bahagian perlu diwujudkan sebagai tempat untuk kita menentukan apa yang kita buat iaitu 'check and balance' itu betul.

Saya, tidak fikir pihak Eksekutif atau Peguam Negara membuat sesuatu tanpa memikirkan secara mendalam, tidak berpandu kepada undang-undang, tidak juga berpandu kepada natural justice, kononnya. Tetapi sudah sampailah masanya oleh kerana Hakim-hakim ini pun di akhir-akhir ini sudah main politik begitu hebat sangat, pada hal perkara-perkara yang kecil ini boleh diselesaikan juga dijadikan benar ia menunjukkan bahawa Undang-undang kita ada, Akta Pertubuhan 1966 itu menunjukkan boleh buat begitu dan boleh buat begini dan ada juga beberapa Orang Ahli Yang Berhormat kita menyebutkan, selalunya, sampai saya jelak, sampai naik bosan - perkara UMNO ini. selalu sangat dibangkit-bangkitkan. Sebabnya UMNO ini kononnya diharapkan di bawah Fasal Akta Pertubuhan 1966, tetapi kalau sekiranya Hakim-hakim boleh menggunakan budibicaranya berpandu kepada Perlembagaan UMNO tempoh hari, saya tidak fikir perkara ini berpanjangan. ini yang saya katakan perlu kita pinda Perlembagaan ini supaya Attorney General atau Peguam Negara boleh jadikan satu seksyen di mana 'check and balance' itu perlu ada.

Jika sekiranya Perlembagaan UMNO tidak membenarkan ahlinya membawa ke mahkamah sebarang suatu kes, ini secara orang layman, rakyat biasa bercakap begitu. Kita tidak pergi sampai ke undang-undang yang sedalam hendak membincang yang lebih dalam lagi buku-buku

undang-undang itu, kita "tidak ada lagi. Kira semak perkara kecil ini sahaja. Jika sekiranya Tuan Hakim yang bijaksana itu memikirkan patut menghormati Perlembagaan UMNO yang tidak membenarkan ahlinya membawa sebarang perkara ke mahkamah, jika itu kalaulah digunakan dalam hal ini, maka tidaklah menjadi masalah. Tetapi Tuan Hakim yang bijaksana itu telah memandu kepada hukuman yang perlu dikenakan berpandu kepada Akta yang sudahpun kita luluskan dan diwujudkan. Inilah yang amat menyedihkan.

Kemudian, ada lagi gejala-gejala yang kurang sihat. Banyaknya berlaku tetapi akibatnya rakyat menderita, negara juga akan susah dalam segi ekonomi. Pendeknya hari ini kita menyanjung tinggi Perlembagaan. Perlembagaan itu seperti Quran bagi kita hari ini. Kita patuh kepada undang-undang berpandu kepada apa sahaja yang dicatat dalam Perlembagaan, tetapi akhir-akhir ini kita dapati rakyat berselisah, pemimpin-pemimpin mengelisah, Sultan-sultan, Ketua-ketua Negara sudahpun memikirkan cara lain dan sudahpun ghairah, sudahpun ada sifat-sifat takabur, tamak, sombong dan sebagainya di mana akan membawa satu keretakan yang akan membawa satu kerugian jika tidak 'check and balance' sekarang ini.



Ekonomi negara hari ini, satu peristiwa selepas satu kejadian yang berlaku ini sudahpun terancam nama baik negara kita. Cara manakah kita hendak memelihara. Kita ini cuba seberapa boleh. Pucuk pimpinan yang memerintah negara ini memikirkan betapa perlunya membuat sesuatu untuk meninggikan maruah bangsa dan rakyat Malaysia ini yang terdiri daripada setiap bangsa. Rakyat macam mana, cara mana kira hendak menjadi rakyat dan negara ini makmur selagi kita ini berselisih fahaman dan sebagainya,

Barangkali masa ini zaman sekarang ini perlu perubahan. Jadi ada yang setengah tidak menyedari apa yang dia buat. Jadi sudahlah sampai masanya nanti jika kita tidak berhati-hati akan berlakulah sesuatu perkara yang tidak dingini, akan kita menyesal mungkin tidak akan memberi sebarang faedah.

Sekarang apakala rakyat tidak mematuhi, tidak memerintah, tidak mendengar nasihat ketua-ketua atau pemimpin-pemimpin kita, kita marah dan kita menyuruh rakyat jangan menderhaka kepada Sultan, kepada ketua-ketua negeri atau pemimpin-pemimpin. Kita berpandu kepada Firman Allah yang maksudnya "Kita taat kepada Allah dan kita taat juga kepada Rasul dan kita juga taat kepada pemimpin kita dan juga Sultan serta ketua negeri."

Jika sekiranya rakyat ini sudah rasa jelak, sudah naik bosan dengan cara ketaatan ini apakah akan jadi sehingga Nabi pernah berkata maksudnya: "Barang siapa yang taatkan seorang Raja pemerintah itu maka dia taatkan aku". Kita hendak suruhkan rakyat taat, kita

akan menerima masalah. Cara mana dan apakah dia. Kalau sekiranya ketua-ketua ini pun kalau mereka tidak pandai main politik, tidak pandai bawa diri masa mana atau apa cara kita hendak minta rakyat, akan menjadi sesuatu isu, sesuatu perkara yang akan merebak-rebakkan nanti daripada satu negeri ke satu negeri..

Syukurlah Pulau Pinang ini tidak ada Sultan. Ada Gabenor ini pun Alhamdulillah, dia tidak buat apa-apa, cuma setakat sign-sign sahaja, banyak lapang dada kami, [Ketawa]Tetapi sebaliknya saya bukanlah mahu menipukecil-kecilkan Sultan-sultan tetapi saya fikir rakyat sudah sampai masanya, sekarang di mana sahaja kita pergi di kedai-kedai kopi, warung atau di mana sahaja rakyat sudahpun mula bercakap-cakap dalain hal ini. Rakyat marah kerana negara kita sudahpun tidak tenteram. Satu hal lepas satu hal. Apalah salahnya kita bersatu-padu daripada Sultan sehinggalah kepada rakyat jelata, tidak. inilah yang menjadikan situ perkara yang sangat merisaukan rakyat jelata tidak kira dari keturunan atau bangsa apa sekalipun atau agama apa sekalipun. Kerana kita semua rakyat Malaysia ini perlu keamanan. Lepas satu perkara satu lagi timbul. Inilah menjadikan rakyat jelata di seluruh Malaysia ini merasakan curiga atau merasa takut seolah-olah ada mala petaka bencana hendak timpa kepada negara kita. Nauzubillah minzalik.

Maka saya selaku rakyat juga yang taat setia kepada negara berdoalah agar semua hal-hal yang tidak baik ini dijauhkan Tuhan dan kita berdoalah agar kita pulih balik ketenteraman negara ini dan perpaduan ummah di negara ini seperti dahulu seperti tahun 60an dan sebagainya agar kita dapat hidup dan tinggal di Malaysia ini dengan

senang hati dan membawa nama Malaysia ini ke tahap yang boleh dibanggakan dan dihormati oleh bangsa asing.

Saya cuma harap pihak yang berkenaan supaya selepas Rang Undang-undang iaitu Pindaan ini diluluskan, segeralah digazettekan agar tidak lagi menjadi soal bagi pihak yang bijak di segi undang-undang. Katanya selagi pindaan ini tidak digazettekan selagi lagi itulah banyak kelemahan boleh sesiapa sahaja hendak bawa satu-satu perkara kepada mahkamah ambil tindakan apa sahaja di segi undang-undang.

Jadi saya berdoa dan berharaplah tenaga sepenuh-penuhnya diberikan kepada pihak-pihak pemimpin-pemimpin kita, Kementerian-kementerian yang berkenaan dapat menggazettekannya dengan seberapa segmen dan dapatlah kita berpandu kepada pindaan yang dibuat itu.

Dengan ini saya sudah dengan sekali lagi menyokong sepenuhnya kepada Akta Perlembagaan (Pindaan) ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat **Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasoom**

**6.18 ptg.**

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian bersama-sama di dalam membahaskan suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan yang sebentar tadi dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam membahaskan pindaan Perlembagaan di dalam beberapa perkara yang menyentuh keadaan kelicinan jentera pemerintahan, jentera Kerajaan yang mana hasil daripada kelicinan





jentera Kerajaan itu akan membawa manfaat kepada rakyat: maka pindaan demi pindaan kepada Perlembagaan telah dilakukan.

Beberapa tahun yang lalu kira telah meminda satu pindaan yang juga menjadi perbualan di seluruh negara di mana rapat-rapat umum, perjumpaan ramai, rapat raksaksa di seluruh negara dilakukan dan sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, pindaan dilakukan berikutan dengan perkara-perkara yang sejak 30 tahun kita merdeka tidak terfikir di fikiran kita akan berlaku hari ini. Maka sekarang ini. pindaan dilakukan kepada Perlembagaan negara kita.

Sekali lagi saya menyatakan di dalam Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, selaku rakyat biasa yang tidak tahu-menahu ayat-ayat dan kalimat-kalimat dari segi perundangan di hadapan saya sekarang ini ada dua naskhah Perlembagaan negara kita yang telah mengalami pindaan-pindaan sejak berpuluh-puluh kali pindaan dibuat terhadap Perlembagaan negara saya hanya dapat menyatakan dan memberikan beberapa ungkapan di dalam perbahasan ini secara umum.

Kita tidak boleh lari daripada pindaan Perlembagaan kerana ini ciptaan manusia untuk mencari manfaat kepada manusia. Perlembagaan negara kita dipinda untuk mendatangkan manfaat kepada negara kita, kepada kedaulatan negara kita dan ini. sesuai- dengan perintah Allah s.w.t. di dalam beberapa ayat di dalam Al-Quran. Satu daripadanya berbunyi: "Wasyura bainahum" bermesyuarah antara kamu."

Inilah tempat musyawarah, tempat mencari keputusan, tempat mencari kejernihan fikiran dan pendapat. Kalau setelah diadakan musyawarah tidak juga putus maka saya ulangi lagi, Tuan Yang di-Pertua, Allah-yarham P.Ramlee telah berwasiat di dalam gurindamnya: "Buang yang keruh, ambil yang jernih. Baru teguh peribadi,"

Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak ada yang keruh dalam negara kita, negara kita jernih, jernih politiknya, jernih keamanannya, jernih segala-galanya, keperibadian bangsa Malaysia, keperibadian negara Malaysia tinggi, kuat, di pandang hormat oleh negara-negara jiran dan dunia, tetapi kalau orang-orang yang diamanahkan oleh Allah, kemudian diamanahkan pula oleh rakyat negara ini memegang tampuk kekuasaan mentadbir negara, ertinya ahli-ahli politik, sekalian ahli-ahli politik ini menyerahkan kekuasaan yang telah

kan itu kepada para pentadbir, pelaksana tidak dilakukan secara sebaik-baiknya dan berlaku sesuatu pergeseran tekan-menekan, sindir-menyindir, tindih-menindih, maka di mana letaknya keperibadian kita sebagai rakyat di dalam sebuah negara yang merdeka dan berdaulat.

Tuan Yang di-Pertua, pada petang ini saya menggunakan cara sistem bahasa baku Saya tak mahu kata baku, sebab baku itu maknanya asli. Itu perkataan Minangkabau. Bako sisi nyingko, keturunan mana dia itu. Itu bako Kalau bako, saya takut masuk bakul. Sudah pergi bahasa baku.

Tuan Yang di-Pertua, 30 tahun dahulu kalau saya bercakap secara ini orang kata tiru Bong Karno, tetapi rupanya sekrang orang mahu tiru cara itu. Ertinya, kami orang-orang politik ini sudah dahulu menggunakan bahasa baku.

Tuan Yang di-Pertua, satu ayat lagi di dalam Al-Quran menyebutkan yang ertinya: Berunding, bermesyuarat antara kami; apabila dapat keputusan maka bertawakal kepada Allah. Jadi, ertinya Allah sendiri tidak mahu manusia ini. sesama kita ini cek-cok, orang politik kata orang pentadbir; orang pentadbir kata orang politik, orang politik tuduh pihak justice; justice tuduh orang politik, sehingga saya yang paling malu dalam sejarah tanahair kita sejak merdeka 30 tahun Menteri dianggap sebagai membuat tindakan yang silap oleh mahkamah. Belum pernah berlaku selama ini.. Menteri Keselamatan Dalam Negeri dianggap melakukan kesilapan kerana menahan seseorang. Ini ertinya kerana berlaluan takrif, kerana berlainan pentafsiran mengenai dengan undang-undang yang diputuskan oleh majlis syura, majlis Dewaa Rakyat dan Dewan Negara ialah majlis syura, majlis mesyuarat untuk kebaikan negara dan untuk kebaikan rakyat.-

Tuan Yang di-Pertua, kami semua berikrar, kami semua bersumpah sebelum kami duduk di Dewan ini, bersumpah bahawa kami akan melaksanakan tanggungjawab kami sebaik-baiknya sebagai orang yang diberi amanah untuk Malaysia, untuk negara, kami tidak akan mencuaikan amanah ini kerana nafsu sama ada di- Dewan Rakyat atau di Dewan Negara ini.

Kami memandang jauh ke hadapan bahawa kita tidak boleh lari dari masalah-masalah dan kami yakin batiawa tidak ada yang terbohol yang tidak boleh diurai. Ini pepatah bahasa bako. Tidak ada yang terbohol, yang tersimpul yang tidak boleh dibuka balik, diurai semula. Jadi, setiap pendapat negara, undang-undang negara yang berlainan pendapat dan tafsiran maka dibawa ke Dewan ini untuk diuraikan semula. Maka inilah kami. menguraikan di sini mengikut

pandangan, mengikut pendapat, mengikut pengalaman, mengikut pembacaan, mengikut pengkajian kami sebagai Ahli-ahli Dewan Senate yang dianggap sebagai orang tua-tua di dalam negara kita. Kalau di negara lain disebut Dewan Pertuan Senate.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya masuk kepada beberapa perkara yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sementara tadi sewaktu 'membentangkan Akta ini, saya ingin membawa sedikit pandangan saya kepada polemik politik dalam negara. Kerana sesuatu hal saya sentuhkan.

Kalau 30 tahun dahulu masyarakat Melayu dididik dengan mentua-kan yang dijadikan ketua sekalipun ianya muda. Artinya orang muda yang telah dijadikan ketua itu dianggap tua maka ianya diberi peluang sebagai Yang di-Pertua. Ini didikan peribadi yang dididik dari kecil membawa kepada umur dewasa tetap dianggap sekalipun ianya tetapi apabila telah dilantik, dipilih sebagai ketua maka ianya digelar Yang di-Pertua. Tetapi apabila polemik politik bertukar, kalimat Yang di-Pertua itu kerana tidak drastik, tidak hebat ditukar kepada Presiden kepada satu-satu pertubuhan. Maka saya memberikan, ada ruang-ruang politik yang ringan-ringan, saya tidak memkandung bau politik yang besar-besar; jadi kalau presiden ini biasanya bagi sesebuah negara yang beriramakan politik sosialis yang lebih radikal presiden - bapak presiden, begitu. Jadi, jiwanya agak hebat, agak panas, mahu berontak selalu, mahu berantakan selalu. Berontakan dan berantakan ini bahasa yang orang-orang politik guna, Jadi, apabila mahu merebut jawatan presiden, mereka sudah tidak memandang lagi akhlak, keluhuran, budi pekerti, sopan-santun, yang tua dihi.aa, yang muda apa lagi dipandang remeh. Jadi, kita harus kembali kepada kesopanan orang-orang Melayu. Kesopanan

secara bako, sebagai kata .orang tua-tua: Kera di hutan lagi ber-penghulu apa lagi manusia. Manusia yang berpendidikan, kenapa hilang kesopanan dan hilang maruah sehingga kecam-mengecam di antara satu sama lain, bukan di antara orang kampung sama orang kampung, cerdik pandai-cerdik pandai, cendikiawan-cendikiawan, ilmunan-ilmuan, hartawan-hartawan, jutawan-jutawan, bukan rakyat jembel, bukan rakyat. marhaen di desa-desa pendalaman, mereka ini tidak tahu apa-apa, rnereka tahu kami malia berketua, siapa ketua kami, maka yang mahu jadi ketua ini berebat-rebut, beront.akan, berantakan. Apabila berontakan ada dua kemah. Apabila muncul ke depan jadi berantakan, ertinya bertempur.

Sekarang kita rnembincangkan masalah pertempuran di antara golongan penggubal, golongan pemegang kuasa dengan golongan pelaksana keadilan. Kenapa berlaku ini, Tuan Yang di-Pertua? Adakah kerana memang sikap manusia tidak mahu kalah atau kerana memang sikap manusia yang penuh dengan penuh perasaan tamak itu tadi. tidak mahu mengaku kesilapannya, kelemahannya . Jadi, kalau ini berlaku dan kalau ini ada di. dalam hati.mereka yang diberi. amanah ini. maka jawabnya kehancuran menunggu hadapanmu, Sebab itu Allah s.w.t. memperingatkan: "Sesungguhnya Allah tidak menyukai mereka yang membuat kerosakan."

**Sebelum Allah s.w.t. .memperingatkan" dan berbuat (kepada orang lain) sebagaimana A l l a h berbuat baik kepada kamu. Dan janganlah kamu berbuat kerosakan di. muka bumi, kerana sesungguhnya Allah tidak menyukai ijrang-orang yang berbuat kerosakan."**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, saya mohon maaf, masa kita sudah cukup. Yang Berhormat boleh sambung ucapan pada hari esok.

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya tangguhkan Dewan yang mulia ini hingga jam 2.30 petang hari esok, Selasa, 5hb April, 1988.

**Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.**